

MENGGALI

RANCANGAN PERKAMPUNGAN NELAYAN KUALA LINGGI :

SATU KAJIAN SOSIO-EKONOMI TENTANG KEGAGALAN

RANCANGAN

Dalam proses penulisan kajian ini, iaitu:-

- (a) Enik Lee Ai Yun (Supervisor).
- (b) Enik Semui Aseri Baharuddin (tutor).
- (c) Enik Rosli Hassan.
- (d) Pehak Peserta OLEHangan.
- (e) Daik Penghulu Kawasan Kuala Linggi, Enik Khasis Said.
RUSLIN BIN HASAN
- (f) Pehak Syarikat Keneguan Kerjaya Melaka,
Enik Wong Kim Seng.
- (g) Pehak Jabatan Perikanan Melaka, Enik Leei.
- (h) Pehak Pejabat Daerah Alur Gajah Melaka,
Enik Nohud Sultan.

LATEHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT YANG
DIKENAKAN OLEH JABATAN ANTROPOLOJI/SOSIOLOJI UNIVERSITI MALAYA.
Sebagaimana berita kini,

UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

TAHUN AKADEMIK 1973/74.

TAR. BIS. 1973.

Ruslin bin Hasan
Kolej Kedua,
Universiti Malaya.

PENGHARGAAN

Penghargaan

Dari Kedudungan

Kesempatan ini saya ambil untuk memberi ucapan ribuan terima kasih kepada mereka-mereka yang telah turut memberikan kerjasama dalam menjayakan penulisan kajian ini, iaitu:-

- (a) Cik Lee Ai Yun (Supervisor).
- (b) Encik Samsul Amri Baharuddin (tutor).
- (c) Encik Rosli Hassan.
- (d) Pehak Peserta Rancangan.
- (e) Datuk Penghulu Kawasan Kuala Linggi, Encik Khamis Saad.
- (f) Pehak Syarikat Kemajuan Kerjasama Melaka,
Encik Wong Kim Sang.
- (g) Pehak Jabatan Perikanan Melaka, Encik Looi.
- (h) Pehak Pejabat Daerah Alur Gajah Melaka,
Encik Mohd. Sultan.

Sekian terima kasih.

- a) Kepada bapak
 - b) Ibu
 - c) Dosen pelajaran/pemantikahan
 - d) Ahli keluarga
 - e) Jemaah pengajar dan jenayah pendidikan Ruslin bin Hasan
- 17hb. Dis. 1973. (They are omitted because punch) Kolej Kedua,
Universiti Malaya.

	<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
Penghargaan	a) Penyataan Kehormatan	ii
Isi Kandungan	b) Maklumat yang diberikan oleh penyelidikan kecergasan dan teknologi maklumat.	iii
Senarai rajah, jadual dan gambar	c) Kesan Kecergasan pengeluaran dan pendapatan	v

I : Bahagian Isi Kandungan

A. Pendahuluan	1 - 10
a) Tujuan dan Bidang Kajian	
b) Metodoloji Kajian	
c) Masaalah dalam kajian	
B. Bab 1 : Penguraian Konsep	11 - 20
a) Perencanaan (planning)	
b) Rancangan Pembangunan Masyarakat (Community Development)	
C. Bab 2 : Latar Belakang Umum Rancangan	21 - 34
a) Letak dan hubungan	
b) Ekologi kawasan	
c) Kemudahan yang disediakan	
d) Pentadbiran dan Syarikat Kerjasama Rancangan	
D. Bab 3 : Peserta Rancangan	35 - 51
a) Kampung Asal	
b) Umur	
c) Tingkat pelajaran/persekolahan	
d) Anggota-rumah	
e) Jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan	
f) Sikap dan motivasi terhadap rancangan	

E. Bab 4 : Perkembangan Rancangan (1962 - 1972)	52 - 62
a) Kemerosotan Rancangan.	
b) Faktor (yang dikatakan) telah menyebabkan kemerosotan dan kegagalan rancangan.	
c) Kesan Kemerosotan pengeluaran dan pendapatan terhadap Syarikat Kerjasama Rancangan.	
F. Bab 5 : Analisa tentang Kegagalan Rancangan	64 - 79
a) Faktor Jenis Peserta	
i. Ikatan Sosial peserta.	
ii. Tingkat umur - golongan sudah "tua".	
iii. Tingkat pelajaran yang rendah dan golongan buta huruf yang besar.	
iv. Sikap dan motivasi yang menyeleweng.	
b) Faktor Jenis Rancangan	
i. Penglibatan peserta dalam perlaksanaan rancangan.	
ii. Pembangunan berbentuk fisikal.	
iii. Proses menginstitusikan unsur baharu kedalam sistem nilai peserta.	
iv. "Visibility" yang tinggi.	
G. Bab 6 : Penutup dan kesimpulan	80 - 81
2 : <u>Bahagian Bibliografi</u>	82 - 83
3 ; <u>Bahagian Lampiran</u>	
Lampiran A ; Peta letak dan hubungan rancangan	85
Lampiran B : Peta Rancangan "proper"	86
Lampiran C : Jadual Pengeluaran dan Pendapatan rancangan (1962 - 1972).	87
Lampiran D : Daftar "schedule".	88 - 92

SENARAI RAJAH, JADUAL DAN GAMBARHALAMAN

A : Senarai Rajah
 Rangkaian Perkembangan Nelayan Kuala Langgi ini ialah sebagai berikut:
 rencangan pemindahan golongan nelayan (fishing resettlement) yang berdaftar
 di Melaka. Tanggal ini disesuaikan bersama oleh penak Kerajaan P. 13 dan
 Kerajaan Negeri Melaka dalam Rancangan Pembangunan Melayu perangkat kedua.

B : Senarai Jadual

Jadual I	25
Tujuan bagi mengadakan rencangan ini ialah untuk membantu dengan golongan nelayan di luar tiga kawasan menanam padi di Melaka, iaitu dari Tanjung Meling, Juncal Baru dan Kuala Langgi. Projek ini mempunyai patas golongan dan terestak disebutkan kawasan yang boleh dilakukan perlah silih sebagi dengan seanya sebuah kawasan yang berasa selain laut dan ekonomik lagi patas berterata menyeluruh teknologi modern dan teknologi paip, api-letri	30
Jadual 3	37
patas golongan tersebut disebutkan kawasan yang boleh dilakukan perlah silih sebagi dengan seanya sebuah kawasan yang berasa selain laut dan ekonomik lagi patas berterata menyeluruh teknologi modern dan teknologi paip, api-letri	40
Jadual 4	42
silih sebagi dengan seanya sebuah kawasan yang berasa selain laut dan ekonomik lagi patas berterata menyeluruh teknologi modern dan teknologi paip, api-letri	44
Jadual 5	46
Jadual 6 , gedung menyimpang dua sebagaimana harapan kepada mereka semerata bahawa mereka dengan kesudahan akan ini, maka dapatlah golongan nelayan tersebut berguru dalam kawasan yang ter- atur, mengikuti prinsip-prinsip kerjasama (co-operative) untuk meningkatkan jumlah pengeluaran mereka turaf hiday mereka.	48
Jadual 7	49
Jadual 8	54
Jadual 9	62
Jadual 10	54
<i>A. Tujuan dan tujuan kalian</i>	
Jadual 11	62
Ringkas dan adalah seolah "case study" dan rancangan-langsung	
C : Senarai Gambar	
Cuma 10 gambar rancangan yang buatil valaha. Juga mungkin tidak	
dapat dijadikan sebagai contoh yang baik untuk dibuat generalisasi dan perumusan	
Gambar I dan II	33
Gambar III dan IV	34
Gambar V dan VI	77
Gambar VII dan VIII	78
Gambar IX dan X	79

(1) Malaysia Year Book 1965, n.s., 396.

(2) "The case study method may be defined as an all-inclusive and intensive
study of an individual, in which the investigator brings to bear all his
skill & methods, or as a systematic gathering of enough information about
a person to permit one to understand how he or she functions as a unit of
society".
 Hsin-Fan Tang : Fact Finding with rural people, A guide to effective surve-
y, p. 37.

PENDAHULUAN

Rancangan Perkampungan Nelayan Kuala Linggi ini ialah sebuah rancangan pemindahan golongan nelayan (fishing resettlement) yang terdapat di Melaka. Ianya telah diusahakan bersama oleh pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Melaka dalam Rancangan Pembangunan Malaya perengkat kedua (1961 - 1965).

Tujuan bagi mengadakan rancangan ini ialah untuk menyatukan golongan nelayan daripada tiga kawasan menangkap ikan di Melaka iaitu, dari Tanjung Keling, Kuala Sungai Baru dan Kuala Linggi. Penyatuan serta penempatan golongan nelayan tersebut disebuah kawasan yang khas dirasakan perlu oleh sebag dengan adanya sebuah kawasan yang khusus, maka lebuh mudah dan ekonomik lagi pihak pemerentah menyalurkan beberapa kemudahan seperti air-paip, api-letrik, jetti, gedung menyimpan ikan dan sebagainya. Adalah menjadi harapan kepada pihak pemerentah bahawa dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti ini, maka dapatlah golongan nelayan tersebut bergerak dalam satu cara yang teratur, mengikut perinsip-perinsip kerjasama (co-operative) untuk meninggikan jumlah pengeluaran dan pendapatan serta taraf hidup mereka.¹

A. Tujuan dan bidang kajian:

Kajian ini adalah sebuah "case study"² dan ruang lingkupnya cuma tertumpu kepada sebuah rancangan yang kecil sahaja. Ianya mungkin tidak dapat dijadikan sebagai contoh yang baik untuk dibuat generalisasi dan perumusan terhadap rancangan-rancangan yang seumpama ini kerana :-

- a) Ia adalah sebuah "case study" dan apa yang hendak dilahirkan oleh pengkaji mungkin tidak secucuk dengan rancangan-rancangan lain dalam negeri ini.

(1) Malaysia Year Book : 1965, m.s. 396

(2) "The case study method may be defined as an all-inclusive and intensive study of an individual, in which the investigator brings to bear all his skill & methods, or as a systematic gathering of enough information about a person to permit one to understand how he or she functions as a unit of society".

- b) Rancangan ini telah dilancarkan dalam Rancangan Pembangunan Malaya Kedua (1961 - 1965). Ini bermakna bahawa mungkin perkara-perkara yang ditimbulkan daripada kajian ini tidak dapat diaplikasikan lagi kepada rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dilancarkan dewasa ini (Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 75).

Walaubagaimana pun pengkaji merasakan masaalah-masaalah yang lahir pada rancangan yang lampau mempunyai persamaan dengan yang terdapat pada rancangan pembangunan sekarang oleh kerana ujudnya satu proses perlanjutan masaalah-masaalah tersebut. Proses perlanjutan inilah yang telah menyebabkan gagalnya beberapa buah rancangan pembangunan dewasa ini.

Kajian ini dilakukan kerana hendak memenuhi-memenuhi keperluan utama, iaitu :-

- a) Kajian ini merupakan sebagai sebuah latehan ilmiah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat yang telah dikenakan oleh pehak Jabatan Antropologi/Sosiologi Universiti Malaya bagi sessi 1973/74. Latehan ilmiah ini dijadikan sebagai dua kursus wajib bagi kertas AL 310 untuk penuntut tahun 3 (akhir) jabatan tersebut.
- b) Membuat peninjauan dan penilaian rancangan :-
 - i) Mengkaji sejarah latar-belakang dan tujuan diadakan rancangan.
 - ii) Melihat dan menilai jenis-jenis kemudahan yang telah disediakan oleh rancangan.
 - iii) Mengkaji dan menilai tentang "jenis" peserta yang telah mengambil bahagian.
 - iv) Mengkaji dan menilai tentang perkembangan rancangan ini sejak awal perlancaran hingga tarikh pembubaran. Juga

akan dikaji tentang jenis-jenis masaalah yang telah timbul semasa perjalanan rancangan.

- v) Membuat penganalisaan tentang sebab-sebab yang telah menimbulkan masaalah-masaalah tersebut hingga boleh melibatkan kegagalan rancangan.

Berdasarkan kepada 2 tujuan utama ini bidang kajian yang telah dipilih ialah SOSIO-EKONOMI. Dalam bidang kajian ini, 2 aspek penting yang akan disentuh disepanjang kajian ialah sosial dan ekonomi.

Dalam aspek sosial beberapa soal penting seperti kampung asal, umur, tingkat pelajaran, anggota rumah dan sikap serta motivasi untuk menyertai rancangan, diperengkat sebelum masuk rancangan akan dibicarakan. Tujuan pengkaji adalah untuk melihat apakah "Jenis" peserta dari segi sosialnya yang telah menyertai rancangan ini.

Unsur-unsur penting yang terkandung dalam aspek ekonomi yang menjadi sasaran kajian ini adalah seperti jenis pekerjaan (utama & kedua) dan anggaran pendapatan sebelum masuk rancangan. Ini adalah untuk melihat tentang jenis orientasi pekerjaan yang mereka dapati sebelum menjadi peserta. Kehadiran institusi-institusi ekonomi seperti Syarikat Kerjasama yang merupakan sebagai unsur baru kepada peserta rancangan akan juga dikaji. Jenis-jenis masaalah yang timbul akibat daripada kemunculan institusi ini tetap juga mendapat perhatian pengkaji.

B. Methodoloji Kajian:-

Semasa kajian ini dilakukan, pengkaji mendapati bahawa ramai peserta rancangan telah tidak menjalankan aktifiti secara kerjasama. Mereka telah menjalankan aktifiti secara sendirian dan ramai diantara mereka telah pur berhenti sama sekali oleh sebab telah terlalu tua dan uzur. Terdapat seramai 38 orang peserta sahaja yang maseh tinggal dalam kawasan rancangan ini.

Kesemuanya terdapat sebanyak 62 buah rumah yang maseh boleh didiami, dimana 38 buah daripadanya dipunyai oleh peserta-peserta rancangan dan 24 buah yang lainnya dipunyai oleh "orang luar"¹ yang telah "menyeludup" masuk dan menduduki rumah-rumah yang telah dikosongkan oleh peserta-peserta yang keluar.

Oleh kerana rancangan ini telah pun gagal dan ramai pula di-antara peserta rancangan yang telah keluar atau balek kekampung asal mereka, maka kajian ini terpaksa dilakukan dalam bentuk sejarah. Pengkaji terpaksa menumpukan kepada peserta-peserta yang maseh tinggal itu sahaja. Daripada jumlah 38 orang yang maseh tinggal, pengkaji telah dapat menemui seramai 36 orang sahaja (2 orang yang lainnya telah menziarahi anak-anak mereka di-Kuala Lumpur).

Memang pengkaji mengakui bahawa pemilihan "subject" yang dikaji adalah begitu "bias" sekali kerana mereka tidak bersifat mewakili kepada peserta-peserta yang lain-lainya (terutamanya bagi mereka-mereka yang telah balek kampong asal mereka dan tidak dapat ditemui). Tetapi pengkaji merasa sebagai satu golongan yang mempunyai banyak ciri-ciri persamaan, faktor "bias" tadi sekurang-kurangnya dapat ketepikan. Masaalah-masaalah yang dialami oleh rakan-rakan mereka yang telah keluar daripada kawasan rancangan dapat diketahui dengan bertanyakan kepada mereka-mereka yang maseh tinggal. Umumnya masaalah-masaalah yang dikemukakan mempunyai persamaan yang banyak.

Dalam teknik pengutipan butir-butir keterangan kajian pengkaji telah menggunakan beberapa cara yang difikir paling sesuai dengan pendekatan dan subjek kajian. Cara-cara yang telah digunakan ialah :-

- a) "schedule"
- b) Temuduga (bersifat unstructured)
- c) Pemerhatian (tanpa cebur diri)
- d) Dokumen-dokumen (fail-fail berkenaan)

(1) Yang dimaksudkan disini ialah orang-orang yang tidak mengambil bahagian dalam rancangan tersebut tetapi telah masuk dan tinggal dirumah-rumah yang telah dikosongkan oleh peserta-peserta yang telah keluar.

a) "schedule"

Sebuah "schedule" adalah lebih kurang sama dengan daftar soal-selidik (questionnaire) dimana ianya mengandungi persoalan-persoalan yang akan dianjukan kepada respondan; cuma perbedaanya lahir dari segi teknik pemakaianya. Kegunaan "schedule" berkehendakkan pehak pengkaji untuk menuturkan persoalan (berasaskan kepada persoalan-persoalan yang tersedia) dan mencatetkan segala butir-butir keterangan yang diperolehi daripada respondan.¹ Sebaiknya sebuah "questionnaire" tidak memerlukan teknik seperti ini - respondan sendiri terpaksa membaca arahan dan persoalan serta mencatetkan jawapan diatas kertas soal-selidek itu sendiri.

Kegunaan "schedule" difikirkan lebih sesuai daripada daftar soa-selidek (questionnaire) dalam kajian ini kerana beberapa faktor :-

- i) Ramai daripada peserta yang ditemui (respondan) adalah terdiri daripada golongan buta huruf. Untuk mengelakkan masaalah pembacaan, tulisan dan pemahaman yang akan timbul penggunaan sebuah "schedule" adalah lebih baik. Dengan cara berhadapan dengan peserta, membacakan persoalan-persoalan dan mencatetkan butir-butir keterangan oleh pengkaji sendiri maka dapatlah dielakkan masaalah yang disebutkan tadi.
- ii) Oleh kerana memikirkan bahawa persoalan-persoalan yang hendak dianjukan adalah berputar pada aspek-aspek seperti sikap, perasaan dan pendapat respondan, maka penggunaan teknik "schedule" ini adalah lebih baik. Persoalan-persoalan yang mungkin boleh menyinggung perasaan peserta, dapat diubah suaikan dengan keadaan. Ini ialah kerana persoalan-persoalan dalam sebuah "schedule" tidak seketar (rigid) seperti mana yang terdapat apabila menggunakan teknik daftar soal-selidik.
- iii) Jumlah respondan dalam kajian ini adalah kecil - seramai 36 orang sahaja. Bilangan sekecil ini tidak menimbulkan masaalah "masa" sekiranya pengkaji menggunakan sebuah "schedule".

(1) Hsin-Pao Yang : Fact finding with rural people, A guide to effective survey m.s. 45.

Pada umumnya sebuah "schedule" memang memerlukan satu jangka masa yang agak panjang berbanding dengan penggunaan sebuah daftar soal-selidik, sebab pengkaji terpaksa menemui tiap-tiap orang respondan dan membaca persoalan serta mencatetkan butir-butir keterangan yang diberi.

Pembentukan persoalan-persoalan dalam "schedule" ini banyak di dasarkan kepada beberapa buah kajian ilmiah yang terdapat di Jabatan Pengajian Melayu dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Walaubagaimana pun persoalan-persoalan tersebut terpaksa ditokok-tambahkan untuk mendapatkan sebuah daftar "schedule" yang sesuai dengan bidang dan tujuan kajian pengkaji.

b) Temuduga bersifat "unstructured"

Temuduga jenis "unstructured" atau "unstandardised" ini adalah temuduga jenis "bebas". Pengertian "bebas" dalam kontek ini ialah bahawa pehak pengkaji tidak memerlukan suatu persediaan (mungkin berbentuk tulisan) tentang persoalan-persoalan yang hendak ditanya. Temuduga jenis ini lebih bersifat sebagai suatu "perbualan", tetapi dalam bentuk susulan yang dijaga supaya butir-butir kete angan dapat diperolehi dengan cara yang teratur juga.¹

Temuduga seperti ini telah dijalankan keatas 3 pehak yang berkeanaan dengan rancangan tersebut iaitu :-

i) Pehak Pejabat Daerah Alur Gajah ;

Disini pengkaji telah menemui dengan salah seorang daripada pegawai kerajaan yang telah bertugas dalam mana kawasan rancangan ini terletak.

(i) Pejabat Syarikat Kewangan Kerajaan Sabah

(ii) Pejabat Jabatan Per-

(1) William Goode and Paul Hatts : Methods in Social Research, m.s. 185.

ii) Pehak Syarikat Kemajuan Kerjasama Melaka ;

Disini pengkaji telah menemui dengan seorang pegawai yang ditugaskan khas untuk mengendalikan Syarikat Kerjasama dalam kawasan rancangan itu.

iii) Pehak Jabatan Perikanan Negeri Melaka ;

Disini pengkaji telah menemui pengarah jabatan tersebut yang mana mengetahui benar akan rancangan ini.

Selain daripada 3 pihak yang disebut diatas, pengkaji telah juga menemui penghulu daerah ini untuk mendapatkan pandangan-pandangan beliau tentang rancangan tersebut.

c) Pemerhatian tampa cebur diri

Untuk mendapatkan keterangan-keterangan tentang keadaan hidup sehari-hari peserta, pengkaji telah menggunakan teknik pemerhatian tampa cebur diri ini. Penggunaan teknik ini ialah untuk melihat pergerakan aktifiti dalam suasana yang seberapa "natural" yang boleh. Sikap serta perlakuan seperti kemanakah mereka pergi apabila tidak turun kelaut dicatatkan sahaja tampa disedari.

d) Dokumen-dokumen

Banyak keterangan-keterangan yang bersifat bertulis telah didapati daripada fail-fail yang terdapat dipejabat-pejabat seperti :-

- i) Pejabat Daerah Alur Gajah Melaka.
- ii) Pejabat Syarikat Kemajuan Kerjasama Melaka.
- iii) Pejabat Jabatan Perikanan Melaka.

Fail-fail yang terdapat pada pejabat-pejabat i
gandungi keterangan-keterangan seperti sejarah dan latar t
cangan; perkembangan rancangan; lapuran bulanan dan tahunan;
pengeluaran dan pendapatan bagi peserta-peserta rancangan
tahun 1962 hingga awal tahun 1973.

C) Masaalah dalam Kajian

Masaalah-masaalah yang timbul tatkala kajian dilakukan ialah
seperti berikut :-

a) Tempat kajian dan perbelanjaan;

Kawasan rancangan ini terletak kira-kira 12 batu jauhnya dari-
pada tempat tinggal pengkaji. Ini bermakna pengkaji terpaksa berulang
alek tiap-tiap kali kajian dijalankan. Berulang alek sejauh lebeh kurang
24 batu ini memerlukan perbelanjaan yang banyak dan menjadi kesulitan pada
pengkaji. Pengkaji tidak tinggal dirumah peserta semasa kajian dilakukan
oleh sebab memandangkan kesusahan hidup mereka. Pengkaji juga tidak mem-
punyai saudara mara atau sahabat yang rapat yang tinggal berdekatan dengan
kawasan rancangan tersebut untuk tinggal sementara waktu.

b) Fail-fail yang banyak;

Oleh kerana rancangan ini telah pun dilancarkan kira-kira 11
tahun lamanya, maka fail-fail mengenainya terdapat dengan banyaknya. Membaca
dan mengutip keterangan-keterangan daripada fail-fail yang banyak daripada
3 pejabat tadi, bukan sahaja memerlukan jangka masa yang panjang malah memer-
lukan juga pengkaji berulang alek kepejabat-pejabat tersebut yang letaknya
kira-kira 20 batu jauhnya daripada tempat tinggal pengkaji.

c) Menemui respondan;

i) Respondan-respondan adalah terdiri daripada nelayan dan mereka
mereka yang maseh menjalankan aktibiti-aktibiti tersebut amat sukar untuk
ditemui terutamanya diwaktu siang hari. Ini ialah disebabkan mereka turun
kelaut daripada subuh hingga petang. Diwaktu petangnya pula, mereka akan

sebok menguruskan penjualan hasil tangkapan mereka atau membersehkan alat-alat tangkapan mereka. Jadi peluang untuk pengkaji menemui mereka adalah terlalu terhad. Dalam sehari, pengkaji mungkin dapat menemui 2 atau 3 orang diantara mereka dan mereka-mereka ini merupakan golongan nelayan yang samaada telah berhenti sama sekali menjalankan aktibiliti menangkap ikan (oleh kerana telah uzur atau tidak mempunyai alat-alat tangkapan) dan mereka yang tidak turun kelaut ketika itu (mungkin kerana badan tidak sihat atau mempunyai hal lain yang lebih penting untuk diuruskan terlebih dahulu). Selain daripada menemui respondan-respondan dirumah-rumah mereka, pengkaji telah pergi kekedai-kedai kopi yang berdekatan dimana mereka kebiasaannya berkumpul apabila tidak kelaut. Pengkaji telah juga mengambil kesempatan dihari-hari Jumaat, oleh sebab dihari inilah ramai diantara mereka tidak kelaut, mungkin kerana hendak menunaikan fardhu Jumaat.

ii) Ramai diantara peserta-peserta rancangan telah pun meninggalkan kawasan rancangan ini (balek kekampung asal mereka) tatkala kajian dibuat. Bagi mereka-mereka yang telah keluar rancangan, amat susah untuk dihubungi mereka kerana tidak mempunyai alamat tempat tinggal mereka dikampung asal. Oleh itu pengkaji terpaksa menumpukan kajian kepada mereka yang maseh tinggal dalam kawasan rancangan itu sahaja.

d) Sikap respondan;

Semasa proses pengutipan butir-butir keterangan dilakukan, pengkaji mendapati bahawa respondan-respondan tidak menunjukkan kerjasama yang memuaskan. Mereka begitu susah untuk mengeluarkan pendapat-pendapat mereka terhadap rancangan tersebut. Surat pengakuan daripada Jabatan telah tidak banyak memberikan kesan dalam penyelesaian masaalah ini oleh sebab kebanyakan diantara mereka tidak tahu membaca. Akhirnya pengkaji telah terpaksa membawa bersama Datok Penghulu daerah tersebut untuk memberikan penerangan tentang tujuan pengkaji membuat kajian tersebut. Sikap negetif mereka berubah sedikit setelah penjelasan penghulu. Setelah itu pengkaji mendapati bahawa sikap negetif tersebut timbul daripada anggapan mereka bahawa pengkaji adalah seorang wakil kerajaan yang ditugaskan untuk membuat penyiasatan. Mereka merasa

takut kalau-kalau pihak kerajaan mengambil keputusan untuk mengambil balik tanah rancangan tersebut dan menghalau mereka keluar dari situ.

Pembangunan Sosial

Tuju konsep yang berilah alternatif dalam sebuah rancangan pembangunan ini ialah : -

(A) Perancangan (Planning)

(B) Rancangan Pembangunan Sosial (Social Development).

(A) Perancangan (Planning)

Konsep ini merujukkan disiplin-sains dan teknologi sains perancangan yang rapat dengan konsep-konsep seperti "plan", "design" dan "engineering". Bagaimana yang berwifat "socialistic" dan "modern" yang wujud dalam rancangan sosial pembangunan yang berwifat berencana dibentuk oleh ahli ahli tertentu pada sistem pihak pengaruh.

Bentuk ini pengertian konsep tersebut telah digunakan sejak zaman dahulu lagi, dimana pengetahuan telah menjadi "popula" pada manusia-mansia yang berwifat bebas (free-enterprise). Perancangan dalam negri-negri ini tidak merangkumi seluruh sekolah, hanya sepuh-sepuh tertentu sahaja yang ada diwaranakan perlu dilakukan dan turut dahulu. Sebagaimana diketahui negara-negara yang berwifat bebas dan sedemikian menganggap "perancangan" dan rancangan pembangunan sebagai metode. Perang Dunia yang berlaku seperti di Inggeris dan Meksico. Tidak kurang maklumat "perancangan" dalam pembangunan rancangan berwifat adalah dengan adanya proses dan teknik berorientasi pemecahan masalah dalam depan, serta masa jauh yang dilakukan dengan matlamat. Tetapi tidak berwifat pada masa, perancangan rancangan halnya dapat diambil melalui proses perancangan. Ketika ini maklumat dalam perancangan juga boleh juga dicapai tanpa proses perancangan, tetapi maka sekiranya ia tidak dapat dilaksanakan dengan lini dan telak jangka masa yang panjang, sebab yang relatif.

Pada awalnya maklumat rancangan atau "plan" itu diciptakan sebagai se-

BAB 1

PENGHURAIAN KONSEP

Dua konsep yang perlu dihuraikan dahulu sebagai titik-tolak kajian ini ialah :-

- (A) Perencanaan (Planning)
- (B) Rancangan Pembangunan Masyarakat (Community Development).

(A) Perencanaan (Planning)

Konsep ini seringkali disalah-fahamkan kerana wujudnya satu pertalian yang rapat dengan konsep-konsep seperti "sosialisma" dan "komunisma". Negara-negara yang bersifat "sosialis" dan "komunis" ini mengamalkan sistem pembangunan yang bersifat berencana dimana segala usaha tersebut terletak pada tangan pehak pemerintah.

Dewasa ini pengertian konsep tersebut telah digunakan dengan cara yang lebih luas, dimana penggunaannya telah menjadi "popular" pada negara-negara yang bersifat bebas (Free-enterprise). Perencanaan dalam negara-negara ini tidak merangkum seluruh aspek, hanya aspek-aspek tertentu sahaja yang mana dirasakan perlu dirancangkan terlebih dahulu. Sebagai contohnya kebanyakan negara-negara yang bersifat bebas dan sedang membangun telah menggunakan "perencanaan" dalam rancangan pembangunan negara setelah Perang Dunia yang kedua seperti Ghana, India dan Negeria. Tujuan kenapa diadakan "perencanaan" dalam pembangunan negara-negara tersebut ialah dengan adanya proses ini maka dapatlah usaha-usaha pembangunan dijalankan dengan satu cara yang teratur dalam mencapai matlamat. Ini tidak bermakna pula bahawa, sesuatu matlamat pembangunan hanya dapat dicapai melalui proses perencanaan. Sesuatu matlamat dalam pembangunan itu boleh juga dicapai tanpa proses perencanaan, tetapi usaha seperti ini tidak dapat dilaksanakan dengan licin dan dalam jangka masa yang sengkat secara yang relatif.

Pada umumnya sesebuah rencana atau "plan" itu dierangkan sebagai se-

buah garis-kasar untuk melihat (menentukan) masa hadapan.¹ Ia adalah suatu "blue-print" dimana terkandung didalamnya rencana-rencana tau landasan-landasan yang telah dihasilkan oleh pakar perancangan. Landasan-landasan ini perlu diikuti untuk mencapai matlamat-matlamat.

"Perencanaan" disebaleknya membawa erti bahawa ia adalah suatu proses, A.J. Kahn mentaarifkan konsep ini sebagai :-

"..... a process of policy determination for orderly development to achieve given objectives".²

Melvin Webber pula menyatakan bahawa :-

"..... is that process of making rational decisions about future goals".³

Daripada dua definasi ini dapatlah dirumuskan bahawa perencanaan merupakan sebagai process penghasilan keputusan yang bersifat "rational" untuk mencapai matlamat-matlamat dimasa depan (future goals).

Proses yang terlibat dalam perencanaan sesbuah rancangan, seperti mana yang dinyatakan oleh A.J. Kahn ialah :-

- a) Mendefinisikan masaalah (defination of planning task).
- b) Pembentukan dasar (Formulation of Policy).
- c) Merencana (Programming).
- d) Penilaian dan menyalur-balek (Evaluation and Feedback)

Tiap-tiap perengkat tersebut adalah saling berkaitan antara satu sama lain seperti yang ditunjukkan dalam rajah A, Muka Surat 13.


(1) **J.A. Ponsieon** Planning for Development, m.s. 164.

(2) Alfred J. Kahn : Theory and Practice of Social Planning, m.s. 15

(3) Melvin Webber : The Prospect for Policies Planning, m.s. 320

(4) Alfred J. Kahn : Op cit, m.s. 323.

RAJAH 1 : PERENGKAT-PERENGKAT SERTA HUBUNGAN DALAM PROSES PERENCANAAN



Dipetik daripada model A.J. Kahn tentang "Planning in Action" dalam buku "Theory & Practice of Social Planning", m.s. 62.

a) Proses mendefinisikan masaalah

Perencanaan bermula dengan satu masaalah atau "problem".

A.J. Kahn menyatakan bahawa masaalah tersebut mungkin berupa, "..... a complain, tension, disagreement, dissatisfaction, conflict, suffering need for choices, or a dream".¹ "Masaalah tersebut merupakan sebagai satu stimulasi yang akan menggerakkan pihak perancang untuk menyelesaiannya.

Jadi, usaha yang utama sekali yang akan dilakukan dalam proses perencanaan sesebuah rancangan ialah untuk mengenal apakah jenis masaalah yang terdapat (identification of the problem). Proses ini memerlukan suatu kajian tinjauan (exploratory survey) tentang beberapa aspek yang berhubungan rapat dengan jenis masaalah. Sebagai contohnya pengetahuan latar belakang anggota masyarakat yang akan terlibat dalam sesebuah rancangan itu perlu dikaji terlebih dahulu seperti tentang nilai, sikap, kepercayaan, anggota-rumah, motivasi dan sebagainya. Kehendak mereka perlu juga diberikan perhatian yang penting. Sesebuah rancangan yang direncanakan tanpa membuat kajian atau siasatan tinjauan yang memuaskan mengenai keadaan sosial yang sebenarnya ujud adalah seolah-olah seperti orang berjalan tanpa membuka matanya.²

Setelah dijalankan proses pengenalan tentang jenis masaalah yang ujud, barulah dapat ditimbulkan apakah tujuan atau matlamat yang perlu diambil dalam usaha menyelesaikan masaalah tadi. Matlamat sesebuah rancangan itu seolah-olah suatu petunjuk tentang kearah mana rancangan itu menuju.

b) Proses pembentukan dasar

Sebuah dasar atau polisi diertikan sebagai, "..... a general guide to action, the cluster of overall decisions relevant to the achievement of the goals".³

(1) Alfred J. Kahn : Theory and Practice of Social Planning, m.s. 60

(2) Ibid m.s. 61

(3) Ibid m.s. 61

Pembentukan dasar sesebuah rancangan itu dibuat oleh pihak pemerintah yang menguasai bidang politik. Dasar yang dibentuk itu hendaklah bersesuaian dengan jenis masaalah dan objektif rancangan tersebut. Sebagai contohnya dalam rangka objektif Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua (1971 - 1975) satu dasar yang dinamakan sebagai "Dasar Ekonomi Baru" telah diikuti. Dasar tersebut mengandungi 2 perkara penting iaitu :-

- i) Membasmi kemiskinan
- ii) Penyusunan semula masyarakat dan perimbangan ekonomi.¹

c) Proses Merencana (memprogramkan)

Sebuah program itu ialah " time-phased plans for allocating resources and for specifying the successive steps to achieve stated objectives".²

Proses merencana atau "Programming" lahir setelah perengkat pembentukan objektif dan dasar yang akan diikuti dibuat. Dalam perengkat "programming" ini dibentangkan langkah-langkah yang hendak diimplementasikan apabila perlaksanaan rancangan dijalankan.

Antara perkara-perkara yang akan terlibat dalam proses "programming" ini ialah seperti :-

- i) Menentukan sumber-sumber (resources) yang terlibat dalam proses perlaksanaan rancangan.
- ii) Menentukan jenis cara bagaimana sumber tersebut dapat digerakan dalam bentuk yang paling sesuai sekali untuk mencapai objektif rancangan.
- iii) Menentukan jumlah peruntukan perbelanjaan yang akan digunakan bagi perlaksanaan rancangan.

(1) Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) : m.s. 4 - 7.

(2) Alfred J. Kahn : Theory and Practice of Social Planning, m.s. 214.

"Program" dalam sesebuah rancangan itu hendaklah bersifat "flexible" supaya beberapa perubahan dapat dilakukan untuk mengubah suai-kan dengan keadaan dan masaalah yang mungkin ditemui dipertengahan jalan perlaksanaan rancangan.

d) Proses penilaian dan "menyalur-balek"

Proses penilaian dan "menyalur-balek" (feedback) tidak merupakan sebagai perengkat yang terakhir dalam proses perencanaan. Proses tersebut hendaklah diadakan pada tiap-tiap perengkat perkembangan sesebuah rancangan itu. A.J. Kahn menyatakan bahawa, "it is of the very essence of the present work's stance vis-a-vis planning that feedback via formal reporting, in formal communication, auditing, evaluation, and research be built into each phase of the work".¹

Pentingnya proses penilaian dan "menyalur-balek" ini dapat dilihat daripada dua segi, iaitu :-

- i) Proses penilaian dan menyalur-balek dalam bentuk-bentuk lapuran resmi dan seumpamanya dapat memberikan suatu "gambaran" tentang perkembangan rancangan tersebut kepada peserta yang mengambil bahagian.
- ii) Proses ini juga merupakan sebagai petunjuk kepada pihak yang menganjurkan rancangan untuk mengetahui setakat manakah kejayaan usaha rancangan itu mengikut apa yang telah direncanakan (as planned). Sekiranya tidak mengikut apa yang telah direncanakan, apakah pula langkah-langkah yang seharusnya diambil.

Sebuah rancangan yang tidak mempunyai proses penilaian dan menyalur-balek ditiap-tiap perengkat perkembangannya adalah seolah-olah seperti orang berjalan tampa menoleh kebelakang untuk melihat apakah kesalahan yang telah dilakukannya.

(1) Alfred J. Kahn : Theory and Practice of Social Planning, m.s. 323.

Perencanaan adalah hasil daripada cerdek-pandai manusia. Dengan kemajuan yang telah pun dicapai, kini mereka telah berjaya untuk membuat ramalan-ramalan atau "forecasting" mengenai masa hadapan menerusi rancangan-rancangan dalam apa jua bentuknya. Konsep "perencanaan" seperti yang telah dihuraikan tadi, adalah sebuah konsep yang umum dan boleh di-aplikasikan pada mana-mana usaha yang bersifat berencana.

(B) Rancangan Pembangunan Masyarakat (Community Development).

Rancangan Pembangunan Masyarakat ialah satu-satunya usaha perubahan kearah kemajuan yang bersifat "berencana" (planned change). Robert Chin memahamkan perubahan-perubahan yang bersifat berencana, sebagai perubahan-perubahan yang diujudkan dengan cara yang sedar dan disengajakan (conscious and deliberate) oleh ajensi-ajensi perubahan untuk mencapai se-suatu tujuan.¹ Dalam menghuraikan konsep ini, akan ditumpukan kepada beberapa aspek tentang definisi dan ciri yang terlibat didalamnya.

Joel Halpern mendefinisikan konsep ini sebagai suatu proses, "that facilitates economic and social progress for the whole community. This include the active participation of and greatest possible use of the existing leadership within the community itself utilising the ability to assimilate and adapt new ways of living at the disposal of the national government and their specialised agencies".²

Bangsa-bangsa Bersatu pula mendefinisikan sebagai, "satu proses dimana segala usaha rakyat sendiri dipadukan dengan usaha kerajaan untuk meninggikan keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat, menyatukan masyarakat itu dalam kehidupan negara dan membolehkan masyarakat tersebut memainkan peranan mereka sepenuh-penuhnya untuk kemajuan negara".³

(1) Robert Chin dan D. Benne : The Planning of Change, m.s. 32.

(2) Joel M. Halpern : The Changing Village Community, m.s. 45.

(3) Johari Mat :"Gerakan Pembaharuan dalam Pembangunan Masyarakat", Dewan Masyarakat, Jilid 10, bilangan 8, 1972, m.s. 4.

Rancangan Pembangunan Masyarakat melibatkan anggota masyarakat yang bersifat "simple", "unsophisticated" dan "naturally conservativetive". Golongan masyarakat seperti ini terdapat secara meluas dikawasa-kawasan luar-bandar dimana beberapa aspek-aspek tradisi maseh menebal dan menghalang kemajuan. Mereka mengalami ribuan masaalah dan penderitaan dan hasil pengeluaran daripada penggunaan teknik-teknik lama itu menyebabkan kehidupan mereka terus melarat. Oleh kerana sifat-sifat mereka sebagai golongan yang "simple", unsophisticated" dan "naturally conservative" usaha rancangan untuk membangunkan mereka bukan sahaja memerlukan teknik-teknik yang tertentu tetapi memerlukan juga satu jangka masa yang panjang untuk menerima unsur-unsur yang baru dalam sistem nilai mereka. Peter Du Sautoy menyatakan bahawa konsep Rancangan Pembangunan Masyarakat ini adalah satu proses, ".....working with people at their own level of progress and teaching them to help themselves by the methods which are readily available to them, to improve their standard and manner of living by all practical means".¹

Peter Du Sautoy menyatakan 3 perkara yang mesti ujud dalam proses membangunkan masyarakat ialah :-

a) "self-help"

b) initiatif

c) stimulasi²

a) "Self-help"

Sesebuah Rancangan Pembangunan Masyarakat itu hendaklah diusahakan sendiri oleh anggota masyarakat yang terlibat didalamnya. Dalam hal ini anggota masyarakat tersebut dikehendakki melibatkan secara langsung dalam proses perlaksanaan rancangan.

-
- (1) Peter Du Sautoy : Community Development in Ghana, m.s. 1.
 (2) Ibid, m.s. 3 - 10.

Dengan adanya proses "participation" dan "involvement" ini, maka dapatlah anggota masyarakat tadi memahami dan meletakkan suatu nilai yang tinggi kepada usaha-usaha yang dihasilkan melalui hasil titik-peloh mereka sendiri.

Du Sautoy menyatakan bahawa, "Community development cannot exist without self-help indeed self help is the motto of every community development organization. The community development staff are not there to do things for the people, but to show them how they can do thing themselves and to give them extra equipment which they may need. The spirit of communal effort for good of all is a spirit which community development aims to foster".¹

b) Initiatib

Dorongan atau initiatib yang ada untuk mengujudkan sesebuah rancangan itu mestalah ditimbulkan daripada dalam - anggota masyarakat itu sendiri yang berkehendakkan pembangunan dan kemajuan. Initiatib ini tidak boleh diujudkan daripada atas - dimana pehak yang hendak merancangkan (pemerentah) yang berusaha untuk menimbulkan initiatib tersebut kepada anggota masyarakat. Initiatib seperti ini adalah bersifat "artificial" dan cuma akan tahan untuk beberapa ketika sahaja. Tambahan pula sesebuah usaha yang mana faktor initiatibnya ditimbulkan daripada atas akan mengujudkan satu keadaan yang buruk seperti dikatakan oleh Du Sautoy, "..... there may be a tendency to direct the people too openly in what they should have rather than what they want".²

c) Stimulasi

Selain daripada 2 faktor yang disebutkan tadi, mestalah ujud satu stimulasi daripada luar untuk memberi penerangan akan tujuan kenapa

(1) Peter Du Sautoy : Community Development in Ghana, m.s. 9

(2) Ibid, m.s. 6.

diadakan rancangan tersebut kepada anggota masyarakat. Disini, pihak ajen perubahan khususnya jabatan atau organisasi kerajaan selain daripada berfungsi dalam pengendalian sesebuah rancangan itu mestilah juga mengadakan beberapa cara yang berupa sebagai stimulasi untuk menggalakkan perenerimaan unsur-unsur baru.

Secara umumnya, "Rancangan Pembangunan Masyarakat" adalah satu satunya usaha pihak pemerintah untuk membangunkan anggota masyarakat. Usaha ini adalah suatu usaha perubahan yang bersifat direncanakan dan tujuannya adalah untuk mencapai dua matlamat :-

- i) Untuk mencapai kemajuan persaorangan yakni kemajuan seseorang anggota masyarakat.
- ii) Untuk mencapai kemajuan masyarakat secara keseluruhannya dan menggalakkan anggota-anggota masyarakat bertindak dan memberi sumbangan bagi memajukan masyarakat itu.

Kedua buah konsep "perencanaan" dan "Rancangan Pembangunan Masyarakat" akan dikaitkan dengan kajian pengkaji tentang "Rancangan Perkampungan Nelayan Kuala Linggi" ini.

BAB 2

LATAR BELAKANG UMUM RANCANGAN

Luas kawasan rancangan ini ialah kira-kira 25 ekar. Tanah kawasan adalah terdiri sebahagiannya daripada tanah kerajaan negeri dan sebahagian yang lain telah dibeli daripada penduduk-penduduk disitu. Pada permulaannya kawasan yang dicadangkan sebagai kawasan rancangan terletak kira-kira 1 batu daripada kawasan sungai dan laut. Ini adalah kerana pehak penganjur bercadang supaya peserta yang akan mengambil bahagian itu kelak dapat menjadikan pertanian sebagai punca pendapatan kedua seperti bercucuk-tanam atau berternak binatang. Tetapi memikirkan bahawa kawasan yang sejauh ini akan menimbulkan masaalah-masaalah pengangkutan dan perjalanan, maka kawasan cadangan itu telah ditolak. Sebagai gantinya sebuah kawasan yang lebih dekat dengan sungai dan laut telah dipilih.

(A) Letak dan hubungan kawasan

Kawasan rancangan perkampungan tersebut terletak didaratan tebing sebelah kiri muara Sungai Linggi dengan laut Selat Melaka terbentang luas dihadapannya. Kawasan ini juga terletak kira-kira 32 batu jauhnya daripada bandar Melaka (sila lihat lampiran A dan B).

Kawasan ini tidaklah merupakan sebagai sebuah kawasan yang terpencil daripada kawasan-kawasan lain disekelilingnya. Ia boleh dihubungi daripada jalan sungai dan darat. Dari segi perhubungan sungai, perahu merupakan sebagai alat pengangkutan yang penting terutama sekali kepada peserta rancangan yang keluar dan masuk semasa menjalankan aktiviti menangkap ikan. Dari segi hubungan daratnya pula, terdapat sebatang jalan tanah merah kira-kira 50 rantai yang menghubungkan kawasan tersebut dengan jalan besar Kuala Linggi.

Jalan besar Kuala Linggi ini memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan kawasan ini dengan dunia luar seperti pekan-pekan Kuala

Sungai Baru (5 batu), Masjid Tanah (14 batu), Kuala (8 batu) atau dengan bandar Melaka sendiri (32 batu). Dari segi sistem pengangkutan orang, terdapat perkhidmatan bas dan teksi melalui jalan besar tersebut. Perkhidmatan bas adalah dikelolakan oleh Syarikat bas Patt-Hup. Kekerapan perkhidmatannya ialah sebanyak 2 jam sekali selama 5 hari dalam seminggu. Perkhidmatan teksi disini kebanyakkannya dijalankan oleh kereta-kereta "private-sapu"¹ yang hanya menghubungkan kawasan yang berdekatan sahaja seperti pekan Kuala Sungai Baru dan Kuala.

(B) Ekoloji kawasan

Tanah kawasan ini ialah jenis "coastal-alluvial soil"² yang berwarna keputeh-putehan ini menakong air.³

Kawasan rancangan ini tidak ditumbuhi oleh sebarang jenis tumbuhan atau tanaman selain daripada pokok-pokok bakau (api-api) yang kelihatannya hidup dengan subur ditempat-tempat yang sentiasa menakong air terutamanya dikawasan - pinggiran tebing sungai. Pokok-pokok bunga yang hendak dijadikan sebagai hiasan pada kawasan rumah, terpaksa ditanam kedalam pasu dimana tanah yang lebuh sesuai digunakan. Pasu-pasu bunga tersebut terpaksa pula digantung pada anjung rumah atau pun diletakkan keatas "para" yang lebuh tinggi untuk mengelakkan daripada dibanjiri air.

Jika diperhatikan daripada jarak yang jauh, kelihatan kawasan ini seolah-olah seperti kawasan yang rata dan rendah, tetapi sekiranya diiteliti dengan lebuh dekat lagi, akan kelihatan pula bukit-bukit kecil yang menonjol keatas dirata-rata kawasan tersebut - terutama dikawasan yang berdekatan sekali dengan tebing sungai. Bukit-bukit kecil tersebut yang tingginya antara 1 hingga 2 kaki merupakan sebagai busut-busut ketam dimana terdapat ketam-ketam kecil yang beracun. Satu perkara yang menarik khasnya

- (1) Kereta yang tidak berdaftar sebagai kereta pengambil penumpang.
- (2) "The coastal alluvial soils" are derived from marine sandy deposits and fluvial sediments which have been carried down from the uplands of the interior : Ooi Jin-Bee, Land People and economy in Malaya, m.s. 91.
- (3) The agricultural value of such soils depend upon the level of the permanent water-table - the soils which are waterlogged being generally poor and excessively acid. Ibid, m.s. 91.

kepada orang-orang luar, ialah busut-busut itu tadi dapat dijadikan sebagai petunjuk (indicator) tentang tinggi mana paras air yang membanjiri atau bertakong dikawasan tersebut. Menurut peserta-peserta dirancangan itu, sakiranya busut itu tingginya lebeh kurang 2 kaki daripada paras permukaan tanah, maka paras tertinggi bagi air yang bertakong dalam kawasan itu ialah kira-kira 1 kaki 9 inci atau 1 kaki 10 inci. Ini adalah kerana ketam-ketam ini tadi akan membuat "rumah-rumah" mereka kira-kira 2 atau 3 inci lebeh tinggi daripada paras air, supaya lubang-lubang udara yang terdapat dipuncak "rumah" itu tidak dimasuki air.

Ketam-ketam kecil ini menimbulkan banyak masaalah kepada kehidupan peserta rancangan. Binatang ini boleh merosakan pokok-pokok sekiranya pokok-pokok tersebut diletakkan ditanah. Selain daripada merosakan tanaman, binatang tersebut boleh juga merosakkan atau meruntuhkan kemudahan-kemudahan yang terdapat pada rancangan tersebut seperti rumah, tandas, jalan dan lain-lainnya, dengan cara menggali atau membuat lubang-lubang untuk membuat sarang mereka. Dengan cara ini didapati bahawa tanah-tanah tersebut telah digemburkan atau pun telah diko songkan didalamnya, dan akibatnya tanah itu tidak kuat dan runtuh. Kesan daripada keganasan binatang kecil ini dapat dilihat pada tandas-tandas atau rumah-rumah yang condong atau runtuh disebabkan tapaknya telah tidak kuat lagi.

Satu perkara yang tidak harus dilupakan apabila melihat tentang ekoloji kawasan ini ialah kesan daripada letak kawasan rancangan. Oleh kerana kawasan rancangan ini terletak di muara sungai dan bertentang dengan laut pula, satullagi masaalah yang menimpa peserta-peserta rancangan ini ialah angin-angin dan banjir. Menurut peserta disitu, angin-ribut seringkali berlaku dan apabila angin-ribut berlaku dimana disusuli pula dengan hujan yang lebat, banjir pun berlaku. Angin-ribut yang kencang ini merosakan dan ada kalanya boleh meruntuhkan rumah-rumah yang terdapat pada kawasan rancangan tersebut. Atap rumah yang diperbuat daripada zink itu seringkali menjadi sasaran . Hujan lebat yang mengikuti angin-ribut kencang menyebabkan kawasan ini dibanjiri oleh air. Air juga merosakkan beberapa kemudahan disitu seperti jalan-jalan rancangan yang kelihatan berlubang (rosak)

disebabkan oleh hakisan air. Pokok-pokok bakau yang tumbuh dipinggiran tebing sungai itu tidak dapat menahan serangan angin-ribut yang kencang tersebut.

Akibat daripada berbagai bencana alam ini, keadaan kawasan ini menjadi seolah-olah seperti kawasan yang tidak pernah diusahakan langsung. Busut-busut ketam yang terdapat dirata-rata kawasan seolah-olah menjadikan kawasan rancangan tersebut seperti gambaran yang terdapat dipermukaan bulan dan ketiadaan tumbuhannya pula memperlihatkan kawasan rancangan tersebut seperti sebuah padang pasir.

(C) Kemudahan yang disediakan

Beberapa jenis kemudahan untuk membantu peserta dalam mencapai taraf hidup yang tinggi telah disediakan dalam kawasan rancangan ini. Penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut telah dijalankan oleh pehak kerajaan negeri dibawah urusan Jabatan Kerja Raya (J.K.R.). Pehak peserta rancangan tidak diperlukan untuk melibatkan diri bersama dengan pehak kerajaan dalam usaha penyediaan kemudahan tersebut oleh kerana difikirkan bahawa ini akan melambatkan proses perlaksanaannya. Kemudahan yang disediakan dapat dibahagikan kepada 3 golongan seperti berikut :-

- a) Kemudahan kawasan
- b) Kemudahan alat tangkapan
- c) Kemudahan "pendahuluan"

a) Kemudahan kawasan

Kemudahan kawasan dan lain-lain kemudahan yang terdapat dalam rancangan tersebut telah disediakan oleh pehak kerajaan Negeri Melaka dengan perbelanjaan sebanyak lebih daripada \$500,00.00 (sila lihat jadual Ia dan Ib dimuka surat 25). Kemudahan-kemudahan dalam rancangan tersebut ialah seperti berikut :-

Jadual I a : Perbelanjaan bagi pembinaan sebuah rumah

Perkara	Harga
1) Harga tanah bagi satu lot	\$ 46. 70
2) Harga rumah	1000. 00
3) Upah pembinaan	100. 00
4) Salur air (rain gutter)	25. 00
5) Tandas	60. 00
Jumlah	1231. 70
Kadar bunga (rt. of interest) sebanyak 2% setahun bagi \$1231 selama 14 tahun	+344. 88
Jumlah serta kadar bunga sebanyak 2% 1 tahun bagi \$1231.70 selama 14 tahun	1576. 58

Jadual I b : Perbelanjaan bagi pembinaan 80 buah rumah

Perkara	Harga
1) Tanah sebanyak 8 a I r 22 pol	\$ 3,735. 00
2) Rumah sebanyak 80 buah	80,000. 00
3) Tandas sebanyak 80 buah	4,800. 00
4) Salur air sebanyak 80 buah	2,000. 00
5) Upah pembinaan	8,000. 00
Jumlah	98,535. 00

Sumber : Diambil daripada fail tentang Rancangan Perkampungan

Nelayan di Pejabat Daerah Alur Gajah Melaka.

i) Jalan hubungan;

Beberapa batang jalan tanah-merah telah dibina dengan cara menambah dan meninggikan tanah. Jalan-jalan tersebut adalah lebih tinggi daripada paras tanah dikeliling kawasan supaya tidak ditenggelami oleh air. Antara beberapa batang jalan itu, salah satu daripadanya menghubungkan kawasan rancangan tersebut dengan jalan besar Kuala Linggi yang mana menghubungkan pula kawasan rancangan tersebut dengan "dunia luar".

ii) Rumah peserta;

Sejumlah 80 buah rumah yang mana mempunyai rupa bentuk yang sama telah juga dibina untuk menampung sebanyak 80 buah anggota-keluarga (khususnya bagi peserta daripada Tanjung Keling dan Kuala Sungai Baru). Rumah tersebut berharga sebanyak \$1576.58/- sebuah disediakan juga dengan tandas yang berharga sebanyak \$60.00 sebuah. Pada permulaannya, bayaran sewa yang dikenakan kepada sebuah rumah adalah sebanyak \$10.00 sebulan. Jumlah tersebut kemudiannya telah terpaksa diturunkan oleh kerana ramai diantara peserta yang tidak mampu untuk membayarnya.

iii) Perkhidmatan pos ;

Perkhidmatan pos dalam rancangan ini, dikendalikan oleh seorang daripada peserta.

iv) Padang permainan;

Sebuah padang permainan yang luasnya kira-kira $\frac{1}{4}$ ekar telah disediakan. Padang permainan tersebut adalah khas untuk kanak-kanak sahaja oleh kerana alat-alat permainan yang ada ialah seperti buaian dan papan lurutan.

v) Madrasah;

Sebuah madrasah yang diperbuat daripada batu telah disediakan untuk kegiatan ugama.

vi) Balai raya;

Sebuah balai raya atau balai orang ramai disediakan dan telah dijadikan sebagai tempat untuk peserta rancangan berkumpul apabila perjumpaan-perjumpaan seperti mesyuarat bulanan dan mesyuarat Agung (tahunan) diadakan. Mesyuarat bulanan ini adalah untuk membincangkan tentang perjalanan syarikat kerjasama disitu dan Mesyuarat Agungnya pula adalah untuk memilih pentadbir-pentadbir baru syarikat tersebut.

vii) Api letrik dan paip air;

Kemudahan ini telah diadakan agak lambat sedikit - sesudah perlaksanaan rancangan. Kemudahan paip air disediakan pada tahun 1971 dan kemudahan api letrik pula pada tahun yang berikutnya.

viii) Kesihatan;

Kemudahan kesihatan rancangan ini diuruskan oleh 2 pusat kesihatan yang terletak diluar kawasan rancangan, iaitu "Pusat Kesihatan Kecil Kuala Sungai Baru" dan "Klinik Bidan Kuala Linggi". Pusat kesihatan Kuala Sungai Baru menghantarkan pengawas kesihatan kekawasan rancangan tersebut untuk melihat dan menjaga keadaan kesihatan penduduk disitu.¹ Klinik Perbidanan di Kuala Linggi ini pula adalah khusus dalam aspek perbidanan sahaja.

ix) Jetti dan Gedung menyimpan ikan;

Untuk memudahkan perjalanan aktibiti menangkap ikan, sebuah jetti atau pengkalan dan sebuah gedung menyimpan yang lengkap dengan sebuah bilek sejuk telah juga disediakan. Perbelanjaan bagi pembinaan 2 jenis kemudahan ini sahaja ialah sebanyak \$65,000.00. Pengkalan

(1) Mengikut keterangan peserta disitu, pada perengkat permulaan rancangan, pengawas kesihatan datang sebanyak 2 kali dalam seminggu. Kekerapan kedatangan mereka mulai jatuh setelah beberapa lama perjalanan rancangan tersebut.

tersebut telah dibina dikawasan sungai untuk membolehkan proses pemunggahan dan kenaikan hasil tangkapan kederat dengan mudah. Gedung menyimpan ikan yang juga dibina berdekatan dengan jetti dan sungai adalah untuk menyimpan ikan-ikan untuk dipasarkan. Bilik sejuk yang dilengkapkan itu dapat menahan ikan-ikan itu daripada busuk sebelum dipasarkan. Lori-lori akan datang kegedung tersebut untuk membawa ikan kepasar besar bandar Melaka.

b) Kemudahan alat tangkapan

Beberapa jenis kemudahan alat-alat tangkapan ikan telah juga disediakan. Kemudahan tersebut telah diadakan dengan menggunakan bantuan pinjaman wang sebanyak \$300,000.00 dari pehak kerajaan pusat, menerusi syarikat kerjasama dalam rancangan tersebut (bantuan pinjaman ini telah ditambah kemudiannya pada tahun 1967 sebanyak \$70,000.00 untuk membaiki dan mengganti alat-alat tangkapan yang telah rosak atau hilang).

i) Bot dan injin;

Sejumlah 38 buah bot telah disediakan untuk seramai 114 orang peserta. Bot-bot tersebut yang besarnya 12 kaki panjang dan 9 kaki luas tiap-tiap satunya telah dibeli daripada dua tempat membuat bot dibandar Melaka - di Pengkalan Rama dan di Kampung Jawa. Tiap-tiap buah bot itu dilengkapi dengan injin-dalam (inboard) jenis Kubota yang mempunyai 9 kuasa kuda. Injin-injin tersebut telah dibeli daripada negeri Jepun.

ii) Jaring;

Tiap-tiap sebuah bot telah disediakan dengan 42 keping jaring "nylon" jenis "pukat hanyut" (drift-nets). Jaring-jaring tersebut telah dibeli daripada negeri Jepun.

Tiap-tiap sebuah bot bergerak sebagai sebuah kelengkapan atau "unit" dimana didalamnya terdapat seramai 3 orang nelayan yang bekerjasama

Sebuah unit bot yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan didalamnya berharga sebanyak \$7,911.56¢ (lihat jadual 2).

Bayaran hutang pinjaman daripada kerajaan pusat ini dibuat oleh Syarikat Kerjasama rancangan tampa bunga (interest). Potongan kira-kira 40% daripada jumlah pendapatan peserta dalam sebulan dibuat oleh pehak syarikat untuk membayar wang pinjaman tersebut. Selain daripada potongan sebanyak 40% ini peserta tidak perlu untuk memberikan sebarang jenis "jaminan" atau "cagaran" untuk mendapatkan kemudahan alat-alat itu.

c) Kemudahan "bantuan pendahuluan" (advances)

Satu lagi jenis kemudahan yang telah disediakan untuk menolong peserta-peserta dalam rancangan ini ialah dengan memberikan "bantuan pendahuluan". Bantuan pendahuluan tersebut diadakan diperengkat bulanan dimana tia-tiap seorang peserta menerima sebanyak \$90.00. Dari jumlah ini sebanyak \$60.00 daripadanya adalah dalam bentuk bantuan barang seperti beras, kopi, gula dan seumpamanya (barangan keperluan dapur); dan sebanyak \$30.00 yang lainnya adalah dalam bentuk wang tunai. Wang tunai ini adalah untuk peserta membeli keperluan seperti minyak (petrol) dan air batu.

Tujuan utama mengapa diadakan kemudahan "bantuan pendahuluan" ini ialah kerana faktor tidak tetapnya (irregular) hasil pendapatan mereka. Nelayan-nelayan rancangan mempunyai wang setelah penjualan hasil tangkapan dan pemotongan hutang dibuat. Ini memakan masa yang agak lama dimana dalam masa tersebut keperluan sehari-hari dibereskan juga.

Kemudahan bantuan pendahuluan ini cuma dapat berjalan selama beberapa tahun sahaja setelah perlaksanaan rancangan. Berbagai masaalah seperti tidak mampu untuk membayar hutang-hutang tersebut dan perlakuan curang peserta dimana mereka telah mula menjadi malas untuk kelaut telah menyebabkan kemudahan ini terpaksa dibatalkan.¹

(1) Mengikut "Laporan Syarikat Nelayan dan Pemasaran Kerjasama Kuala Linggi" bertarikh bulan Jun 1972, jumlah hutang runcit peserta ialah sebanyak \$217,434.45¢.

Jadual 2 : Nilai bagi satu unit bot yang lengkap

Perkara	Nilai	
Bot	\$ 2,431	00
Injin (Kubota dengan 9.7 kuasa kuda)	2,276	78
Sauh	17	88
Tali "nylon" (40 elai)	33	00
Tali biasa/sabut (40 elai)	38	50
Alat pemadam api (Fire extinguisher)	30	25
Baju penyelamat (Life Jacket)	36	30
Tong simpan ikan	39	60
Jaring (42 keping)	2,295	50
Lampu (4 buah)	31	90
Benang untuk membaiki jaring	40	50
Pelampung buluh	20	00
Pemasangan injin (egnine instalment)	130	00
Pelampung plastik (1000 buah)	90	00
Tali "nylon" (besar)	393	75
Jam penyedar (alarm clock)	6	60
Jumlah	7,911	56

Sumber : Daripada fail yang terdapat di Jabatan Perikanan.

(D) Pentadbiran dan Syarikat Kerjasama Rancangan

Rancangan ini ialah dibawah pengendalian Syarikat Kemajuan Kerjasama yang terletak dibandar Melaka; menerusi sebuah syarikat kerjasama disitu yang mempunyai nama sebagai "Syarikat Nelayan dan Pemasaran Kerjasama Kuala Linggi". Pada pendapat lahirnya rancangan ini adalah ditadbirkan oleh syarikat kerjasama dalam rancangan tersebut.

Syarikat kerjasama rancangan dianggotai oleh kesemua bilangan peserta yang seramai 114 orang itu. Struktur pentadbiran syarikat adalah seperti berikut :-

- | | |
|--------------------------------|-----|
| a) Pengurus | (1) |
| b) Pegawai Pemereksa Kerjasama | (1) |
| c) Kerani | (1) |
| d) Pengerusi | (1) |
| e) Setiausaha | (1) |
| f) Bendahari | (1) |
| g) Pembantu kira-kira | (2) |
| h) Jawatan kuasa kecil | (5) |

Pengurus rancangan ialah seorang pegawai kerajaan, tetapi jawatannya adalah berdasarkan kepada pilehan peserta rancangan. Tugasnya pengurus tersebut adalah untuk menguruskan segala yang bersangkut-paut dengan rancangan tersebut. Tanggung jawab terbesarnya ialah untuk membimbingkan peserta tersebut kearah yang difikirkan baik untuk mereka mencapai matlamat rancangan. Jawatan Pegawai Kerjasama dipegang oleh wakil daripada pehak Syarikat Kemajuan Kerjasama di Melaka. Mereka berlaku sebagai "pemerhati" pada perjalanan dan perkembangan syarikat kerjasama disitu. Jawatan Kerani dan Pembantu Kira-kira juga dipegang oleh pegawai-pegawai kerajaan. Lain-lain jawatan seperti Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, dan Jawatan Kuasa Kecil (5 orang) dianggotai oleh peserta rancangan. Mereka-mereka ini mempunyai 2 peranan; disatu pehak sebagai nelayan yang

menjalankan aktibiti menangkap ikan, dan disatu pihak yang lainnya sebagai pentadbir syarikat kerjasama rancangan.

Pada umumnya, Syarikat Kerjasama dalam rancangan ini berfungsi dalam perkara-perkara seperti;

- a) Memberikan kemudahan alat tangkapan
- b) Membeli dan memasarkan hasil tangkapan peserta (proses pemasaran)
- c) Membuat potongan hutang bulanan sebanyak 40% daripada hasil pendapatan peserta, untuk membayar balek pinjaman wang kerajaan yang berjumlah sebanyak \$370,000.00.



Gambar 11 : Kapal

Gambar-gambar dibawah menunjukkan sebahagian daripada kemudahan
rancangan yang disediakan



Gambar 11 (diatas) : Rumah-rumah peserta



Gambar 11 : Madrasah



Gambar III: Wakil Pos Rancangan



Gambar IV: Jetti

BAB 3

PESERTA RANCANGAN

Bab ini adalah khususnya untuk melihat dan menilai tentang aspek latar-belakang peserta yang telah mengambil bahagian. Latar-belakang yang dimaksudkan disini ialah perengkat sebelum masuk rancangan. Beberapa aspek sosio-ekonomi yang dipilih untuk mewakili latar-belakang mereka seperti berikut :-

- (A) Kampung Asal
- (B) Umur
- (C) Tingkat pelajaran / persekolahan
- (D) Anggota-rumah (household)
- (E) Jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan
- (F) Sikap dan motivasi terhadap rancangan.

Aspek-aspek latar-belakang tersebut dirasakan penting kerana melaluinya dapat diketahui apakah "jenis" atau ciri peserta yang telah mengambil bahagian. Adakah "jenis" dan ciri-ciri yang terdapat pada peserta itu secukup dengan jenis rancangan ini ? Untuk menjawab persoalan ini, terpaksa ditinjau akan latar-belakang peserta tadi dan dikaitkan dengan tujuan dan latar-belakang umum rancangan secara umum.

(A) Kampung Asal

Pemilihan peserta rancangan telah dilakukan menerusi borang permohonan dan temuduga yang dibuat oleh pejabat Daerah Alur Gajah di Melaka. Sebenarnya ura-ura untuk mengadakan rancangan ini adalah datangnya daripada pejabat kerajaan Negeri Melaka sendiri, dan bukan didesak atau didorong secara langsung oleh peserta-peserta yang terlibat. Ini

mengimplikasikan bahawa "idea" untuk menolong golongan nelayan dengan cara mengadakan rancangan seperti ini bukanlah datangnya daripada pehak "bawah" (golongan nelayan) tetapi daripada pehak "atas" (kerajaan).

Pada permulaannya, seramai 114 orang nelayan telah dipilih. Mereka adalah berasal daripada 3 kawasan nelayan di Melaka iaitu :-

- a) Tanjung Keling (21 orang)
- b) Kuala Sungai Baru (40 orang)
- c) Kuala Linggi (53 orang)

Antara beberapa syarat-syarat yang dikenakan untuk melayakkan seseorang itu menjadi peserta ialah :-

- (a) Warga Negara Persekutuan dan Negeri
- (b) Lelaki dan berbangsa Melayu
- (c) Mempunyai tangung-jawab keluarga (sudah kahwin)
- (d) Mempunyai latar-belakang pengetahuan/pengalaman dalam bidang menangkap ikan.

Oleh kerana rumah yang disediakan dalam kawasan rancangan ini adalah sebanyak 80 buah sahaja kesemuanya, dan jumlah peserta yang mengambil bahagian ialah seramai 114 orang, maka peluang untuk menduduki rumah-rumah tersebut terpaksa didasarkan kepada jarak jauh kampung asal peserta dengan kawasan rancangan. Dengan cara ini, kesemua peserta daripada Tanjung Keling (25 batu) dan Kuala Sungai Baru (5 batu) diberi keutamaan. Bagi peserta Kuala Linggi pula, tidak kesemuanya yang dapat tinggal dirumah dalam kawasan rancangan tersebut, sebahagian besar daripadanya terpaksa tinggal dirumah mereka sendiri oleh sebab mereka tinggal berdekatan disekitar kawasan rancangan itu sahaja.

Semasa kajian ini dilakukan, rancangan ini telah pun berumur kira-kira 11 tahun (pembubaran rancangan pada tahun 1972). Dalam masa

yang sebegini lama didapati banyak perubahan dari segi bilangan dan taburan peserta dalam rancangan (dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan kepada peserta rancangan yang maseh tinggal dalam kawasan rancangan "proper" itu sahaja). Perubahan ini dapat dilihat seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 3.

(a) Peserta Kuala Linggi (19 orang)

(b) Peserta Tanjung Keling (21 orang)

Jadual 3 : Kampung Asal dan Perubahan Bilangan Peserta

Kampung Asal	Jauhnya daripada kawasan rancangan (batu)	Bil. Peserta Ketika mula rancangan (61)	Bil. Peserta Ketika kajian (1973)	Peratus Pertambahan & Kejatuhan
Kuala Linggi	0	19	22	16.0
Kuala Sungai Baru	5	40	14	-65.0
Tanjung Keling	25	21	2	-90.5
Jumlah		80	38	

Berdasarkan pada jadual 3 didapati bahawa ketika permulaan rancangan, seramai 80 orang peserta tersebut adalah terdiri daripada :

(a) Peserta Kuala Linggi (19 orang)

(b) Peserta Kuala Sungai Baru (40 orang)

(c) Peserta Tanjung Keling (21 orang).

Taburan bilangan peserta yang tinggal berbeda semasa kajian ini dilakukan. Jadual ini menunjukkan bahawa diperengkat ini kedudukan bilangan peserta yang tinggal dalam kawasan rancangan itu adalah seperti berikut :-

- (a) Peserta Kuala Linggi (22 orang)
- (b) Peserta Kuala Sungai Baru (14 orang)
- (c) Peserta Tanjung Keling (2 orang)

Dari segi jumlah peserta dikedua perengkat tersebut dapat dirumuskan bahawa terdapatnya pertambahan sebanyak 16% bagi peserta yang berasal daripada kawasan Kuala Linggi; bagi bilangan peserta yang berasal dari pada kawasan Kuala Sungai Baru terdapat kejatuhan sebanyak 65% (-65%), dan bagi peserta daripada kawasan Tanjung Keling pula kejatuhan tersebut adalah yang terbesar sekali - sebanyak 90.5% (90.5%).

Pertambahan dan kejatuhan dari segi bilangan peserta daripada 3 kawasan asal telah disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu :-

- (a) perpindahan keluar
- (b) perpindahan kedalam

(a) Perpindahan keluar

Faktor yang berkait rapat dengan proses "perpindahan keluar" ialah kekurangan bilangan peserta yang tinggal dalam kawasan rancangan. Proses inilah yang dialami oleh peserta yang berasal daripada Tanjung Keling dan Kuala Sungai Baru. Faktor yang telah menyebabkan ramainya peserta tersebut meninggalkan kawasan rancangan dan balek kekampung asal adalah disebabkan oleh gagalnya rancangan itu untuk mencapai matlamat dalam meninggikan taraf hidup mereka. Mereka merasa seolah-olah "tertipu" oleh kerana rancangan tersebut tidak memberikan sesuatu kesan yang baik.

(b) Perpindahan kedalam

Faktor yang dihubungkan dengan proses "perpindahan kedalam" ini ialah "pertambahan" dari segi bilangan peserta. Proses ini hanya melibatkan peserta yang berasal daripada kawasan Kuala Linggi sendiri, khususnya mereka yang tinggal berdekatan sekali dengan kawasan rancangan tersebut. Apa yang telah menyebabkan ramai antara peserta golongan ini berpindah kedalam, ialah terdapatnya peluang dimana beberapa buah rumah telah ditinggalkan kosong oleh peserta yang keluar (khasnya peserta dari Tanjung Keling dan Kuala Sungai Baru). Secara tidak diketahui oleh pehak yang menganjurkan rancangan; mereka ini terus berpindah dan menduduki rumah-rumah yang telah dikosongkan tersebut. Disini tidak dapat ditolak bahawa terdapat juga proses "perpindahan keluar" rancangan oleh peserta Kuala Linggi, tetapi bilangan yang berbuat begitu adalah jauh lebih rendah dengan bilangan mereka yang "berpindah kedalam".

Berdasarkan pada jadual 3 ini juga, dapat dilihat bahawa ujudnya satu pertalian rapat antara proses perpindahan keluar (disini diambil cuma proses ini sebagai contoh) dengan jarak jauh antara kawasan rancangan dengan kampung asal peserta, Lebih jauh sesebuah kampung asal peserta daripada kawasan rancangan, lebih jauh pula peratus perpindahan keluar dimana menyebabkan peratus kekurangan dari segi bilangan lebih tinggi. Sebagai contohnya, peratus bilangan kekurangan peserta yang ber-asal daripada Tanjung Keling adalah sebanyak -90.5% (tertinggi sekali) dimana jarak jauhnya daripada rancangan adalah sejauh 25 batu (terjauh sekali). Sebaliknya, lebih dekat kampung asal itu daripada kawasan rancangan lebih kurang pula peratus perpindahan keluar dan peratus ke-jatuhan bilangan peserta. Dalam kes ini didapati bahawa bagi peserta dari-pada kawasan Kuala Linggi (0 batu) tidak terdapat kejatuhan dari segi bilangan malah terdapat pertambahan pula.

(B) Umur

Faktor umur tidak boleh dikatakan sebagai suatu faktor yang kurang penting dan boleh diabaikan sahaja. Dalam konteks kajian ini ke-

pentingan faktor umur boleh dilihat daripada 2 segi iaitu :-

(a) tenaga pengeluaran (productive forces).

(b) sosial dan saikolojikal - khususnya tentang sikap dan pandangan terhadap unsur-unsur baru.

Tingkat umur peserta yang mengambil bahagian dalam rancangan ini adalah seperti yang digambarkan dalam jadual 4. Berasaskan jadual tersebut dapat dilihat bahawa sebanyak 69.4% daripada peserta itu berumur antara 38 hingga 43 tahun ketika mula masuk rancangan. Sebanyak 30.6% yang lainnya berumur antara 44 hingga 49 tahun. Purata umur mereka seperti yang ditunjukkan dalam jadual ini ialah 43.5 tahun.

Jadual 4 : Umur Ketika Mula Masuk Rancangan

Kelas Umur	Bilangan Umur (\bar{x}) (tahun)	Purata Umur (\bar{x}) (tahun)	Peratus Bilangan
38 - 40	12	39.0	33.3
41 - 43	13	42.0	36.1
44 - 46	6	45.0	16.7
47 - 49	5	48.0	13.9
Jumlah	36	43.5	100.0

Secara umumnya dapat dikatakan bahawa golongan peserta ini adalah terdiri daripada golongan yang sudah "tua". Jika dilihat daripada 2 segi seperti yang telah dinyatakan pada perengkat awalnya tadi, beberapa masaalah boleh diduga timbul. Tenaga pengeluaran, kebiasaannya boleh ditentukan oleh faktor umur. Ianya merosot berikutan dengan kenaikan umur. Ini bermakna tenaga pengeluaran (dalam kontek ini adalah dilapangan aktibiti menangkap ikan) seorang "tua" umumnya lebih rendah jika dibandingkan dengan seorang "muda", yang lebih bersifat aktif. Selain daripada itu faktor umur boleh juga mempengaruhi segi sosial dan saikolojikal seseorang itu. Lebih "tua" seseorang itu, umumnya lebih bersifat negatif pada unsur-unsur baru. Sifat-sifat negatif ini mungkin dijelmakan dalam aspek sikap (attitude), perlakuan (behavior) dan pemandangan (outlook) nya. Sebaliknya golongan muda adalah lebih bersifat "liberal" dari segi-segi tersebut.

Kejayaan atau kegagalan sesebuah rancangan yang memerlukan tenaga manusia sebagai jentera penggeraknya bergantung kuat pada jenis "manusia" itu sendiri. Sekiranya "jenis" manusia itu tidak bersesuaian dengan jenis aktifiti yang perlu dijalankan, hasilnya adalah kegagalan.

(c) Tingkat Pelajaran (persekolahan)

Ramai diantara peserta tidak mempunyai latar-belakang persekolahan. Daripada jumlah 36 orang yang ditemui, hanya seramai 20 orang atau 55.6% sahaja mengakui bahawa mereka pernah bersekolah. Seramai 16 orang atau 44.4% yang lebarnya menyatakan bahawa mereka tidak pernah bersekolah. Jadual 5 menunjukkan bilangan peserta yang pernah bersekolah dan tingkat kelulusan mereka. (Lihat muka surat 42).

Jadual 5 disebelah menunjukkan bahawa daripada jumlah seramai 20 orang yang pernah menduduki bangku sekolah; seorang daripada mereka hanya lulus setakat darjah satu sahaja, 4 orang setakat darjah 2, 9 orang setakat darjah 3 dan 4 orang setakat darjah 4. Dua daripadanya

telah lupa tetapi mengakui bahawa mereka hanya bersekolah sampai perengkat rendah sahaja. Dari jadual dibawah ini dapat dilihat bahawa perengkat kelulusan sekolah yang tertinggi sekali bagi mereka ialah setakat darjah 4 (tidak termasuk 2 orang peserta yang telah lupa tadi).

a) Tingkatan kelulusan peserta dalam persentase:

Jadual 5 : Tingkatan Kelulusan Persekolahan

Perengkat Kelulusan	Bilangan Peserta	Peratus Bilangan
Darjah 1	1	5.0
Darjah 2	4	20.0
Darjah 3	9	45.0
Darjah 4	4	20.0
Tak ingat	2	10.0
Jumlah	20	100.0

Kesemua daripada peserta yang mendapat didikan adalah dari sekolah-sekolah aliran Melayu dan Arab (sekolah ugama).

Dari segi bilangan yang dikatakan "literate" (tahu membaca dan menulis), walaupun jadual tersebut menunjukkan bahawa seramai 20 orang daripada mereka pernah bersekolah, namun tidak boleh ditarek kesimpulan bahawa kesemuanya ini (55.6% daripada jumlah) tahu membaca dan menulis. Hanya seramai 7 orang (35.0%) daripada golongan ini telah dikatakan tahu membaca atau menulis. Ini bermakna bahawa seramai 29 atau

kira-kira 80.6% daripada peserta yang ditemui itu adalah buta huruf.

Terdapat 3 faktor yang telah menyebabkan peratus yang besar daripada peserta rancangan terdiri daripada golongan yang buta huruf.

a) Tingkatan kelulusan yang terlalu rendah;

Kebanyakan diantara jumlah peserta yang pernah bersekolah hanya lulus setakat darjah yang terendah sekali. Misalnya seramai 5 orang dan pada 20 orang tadi (25%) cuma lulus darjah 1 dan 2 sahaja. Tingkat pelajaran yang terlalu rendah telah diperolehi itu belum dapat memastikan bahawa mereka boleh membaca dan menulis.

b) Suasana hidup;

Tidak kurang juga terdapat beberapa orang daripada peserta yang pernah bersekolah itu telah lupa sama sekali tentang pelajaran (penulisan dan pembacaan) yang diterima ketika disekolah dahulu, khususnya bagi mereka-mereka yang lulus diperengkat yang terendah sekali. Ini adalah disebabkan oleh suasana hidup mereka sebagai anggota nelayan tidak mementingkan tentang soal pembacaan dan penulisan. Apa yang dipentingkan adalah tanggung-jawab keluarga dan pengalaman dalam bidang dan aktifiti menangkap ikan. Suasana hidup seumpama ini telah menyebabkan mereka lupa tentang pelajaran tersebut.

c) Tidak berpeluang untuk memasukki sekolah;

Kesemua daripada peserta ini adalah terdiri daripada anak keluarga nelayan juga. Satu sifat penting dalam hidup mereka ini ialah kemiskinan. Penggunaan alat-alat tangkapan yang "simple" hanya membolehkan anggota keluarga hidup setakat cukup-makan sahaja (subsistence level). Persekolahan bermakna perbelanjaan, dan inilah satu masaalah yang menghalang mereka untuk memenuhi syarat untuk bersekolah.

Seperti mana yang telah dinyatakan diatas, lebih daripada $\frac{3}{4}$

(80.6%) peserta terdiri daripada golongan yang buta-huruf. Sebanyak 19.3% yang lainnya dapat digolongkan sebagai golongan yang "literate". Malangnya mereka cuma tahu membaca dan menulis dalam Bahasa ibundanya sahaja. Ini adalah disebabkan oleh jenis sekolah yang dihaduukti mereka adalah aliran Melayu dan Arab.

Bilangan anggota-rumah yang banting merangkul bahawa mereka adalah ahli keluarga sendiri mencapai maksimum dua orang peserta.

(D) Anggota-rumah (household)

Sebuah anggota atau "household" itu adalah "..... a group of persons who eat together or share common housekeeping expenditure".¹ Definisi ini mengimplikasikan bahawa orang-orang yang tinggal serumah dan menjadi tanggungan kepada peserta dianggap sebagai ahli kepada anggota rumah tersebut.

Jadual 6 : Anggota-rumah peserta

Anggota-rumah (orang)	Bilangan peserta	Peratus bilangan
4 dan bawah	1	2.8
5 - 7	12	33.3
8 - 10	23	63.9
11 dan lebih	-	-
Jumlah	36	100.0

(1) Rosemary Firth : House Keeping Among Malay Peasants, m.s. 7. (self-conception), tetapi jika ada label ibu-didan tersbut diwakili kepada

Berdasarkan kepada jadual 6 diatas, seramai 23 orang (63.9%) daripada peserta rancangan mempunyai bilangan anggota-rumah antara 8 hingga 10 orang, seramai 12 orang (33.3%) mempunyai sebanyak 5 hingga 7 orang, dan hanya seorang daripada mereka yang mempunyai kurang daripada 5 orang.

Bilangan anggota-rumah yang banyak menunjukkan bahawa tanggungan peserta adalah besar. Bilangan ini adalah terdiri daripada anak-anak dan isteri peserta.

(E) Jenis Pekerjaan dan Jumlah Pendapatan

(a) Jenis Pekerjaan

Aktibiti utama (primary) bagi peserta sebelum menjadi ahli rancangan ialah dalam lapangan menangkap ikan (nelayan). Mereka ini boleh dibahagikan kepada dua golongan nelayan iaitu :-

- (i) Golongan yang mempunyai alat tangkapan sendiri.
- (ii) Golongan yang tidak mempunyai alat tangkapan sendiri.

(i) Golongan yang mempunyai alat tangkapan sendiri

Golongan nelayan jenis ini memileki alat tangkapan ikan yang "simple" oleh kerana mereka tidak mampu untuk membeli alat yang lebih "sophisticated". Mereka menggunakan perahu atau sampan yang kecil dan menggunakan dayung atau injin-sangkut (out-board). Mereka tidak menggunakan jaring yang besar seperti pukat hanyut dan sebagainya. Kebanyakan daripada mereka menggunakan "tali-kail". Pergerakan aktibiti mereka adalah berasaskan kepada kerjasama anggota keluarga sendiri. Misalnya anak lelaki turut membantu ayahnya dalam aktibiti tersebut. Jumlah pengeluaran adalah terlalu rendah - hanya "secukup makan" sahaja disebabkan penggunaan teknik yang "simple" tadi!

Hasil tangkapan selalunya dimakan sendiri oleh mereka (self-consumption), tetapi jika ada lebih ikan-ikan tersebut dijualkan kepada

peraih-peraih kecilan yang kemudian menjualnya kekawasan lain dengan menggunakan basikal. Kadangkala nelayan itu sendiri akan menjualkan hasil tangkapan mereka seperti mana yang dilakukan oleh peraih-peraih tadi.

Satu masaalah besar yang dihadapi oleh golongan nelayan jenis ini ialah jumlah pengeluaran mereka adalah terlalu rendah. Ini telah menyebabkan mereka sentiasa hidup dalam satu keadaan yang menderita.

(ii) Golongan yang tidak mempunyai alat tangkapan sendiri

Golongan ini menjadi "kuli" kepada "towkey-bot". Towkey-bot ini merupakan sebagai golongan pemodal kerana mereka mampu untuk membelikan alat penangkap ikan seperti bot, jaring dan sebagainya untuk dibekalkan kepada nelayan-nelayan yang tidak mempunyai alat tangkapan.

Satu sistem yang dinamakan sebagai "sistem-bahagi" diamalkan oleh golongan nelayan yang tidak mempunyai alat tangkapan tadi. Dalam sistem ini nelayan tadi hanya diperlukan untuk menyumbangkan tenaga mereka dan "towkey-bot" menyediakan segala kemudahan peralatan. Jadual 7 dibawah menggambarkan sebuah contoh sistem bahagi (dua) yang diamalkan. Dalam sistem ini terdapat 3 pehak iaitu, pehak towkey bot, pehak kuli A dan pehak kuli B.

Jadual 7 : Sistem Bahagi 2

Pehak	Bahagian	Pendapatan dlm 1 minggu	Peratus pendapatan
Towkey-bot	2	50	50.0
Kuli A	1	25	25.0
Kuli B	1	25	25.0
Jumlah	4	100	100.0

Sekiranya jumlah pendapatan dari hasil jualan ikan dalam masa 1 minggu ialah sebanyak \$100.00, jumlah ini terpaksa dibahagikan mengikut bahagian. Seperti mana yang digambarkan dalam jadual 7, pehak towkey-bot kan mendapat 2 kali ganda bahagian yang didapati oleh pehak kuli - sebanyak 50% daripada jumlah pendapatan tersebut. Pehak kuli akan mendapat 1 bahagian masing-masing - 25% daripada jumlah pendapatan tiap-tiap seorang.

Walaupun pada lahirnya "sistem bahagi" ini membawa kebaikan kepada golongan nelayan yang tidak mempunyai alat tangkapan, namun disebalik kebaikan itu lahir pula berbagai jenis rupa bentuk tindasan. Golongan towkey-bot ini selain daripada merupakan sebagai pemodal juga terdiri daripada golongan pekedai dikawasan itu. Nelayan yang menjadi sebagai kuli tadi biasanya akan membeli barang-barang (terutama barang-barang untuk keperluan dapur) daripada kedai tersebut secara kredit. Bayaran hutang kedai dibuat diperengkat berlainan dengan cara membuat potongan daripada pendapatan nelayan tadi.

Oleh kerana nelayan ini tidak berupaya untuk membeli barang-barang tersebut secara tunai atau kerana membayar hutang secara sekali gus, maka mereka mendapati diri mereka terikat kepada pekedai itu. Untuk hidup mereka terpaksa bekerja terpaksa terus menjadi kuli. Proses ini berlanjutan dan golongan nelayan tadi terus pula menghadapi jenis tindasan dan penderitaan.

Selain daripada menjalankan aktibiti menangkap ikan yang berupa aktibiti utama mereka, terdapat juga beberapa orang diantara mereka menjalankan aktibiti kedua (secondary). Aktibiti ini dilakukan oleh mereka ketika mereka tidak menangkap ikan yang mungkin disebabkan oleh angin kencang atau badan tidak sihat. Aktibiti ini tidak tetap, cuma sekali sekala sahaja.

Jadual 8 (m.s.)48) menunjukkan bahawa hanya seramai 5 orang (18.9%) daripada mereka melakukan aktibiti kedua. Jenis-jenis aktibiti tersebut ialah, membuat atau membaiki jaring (3 orang); memanjat pokok kelapa jiran (1 orang).

Jadual 8 : Jenis-jenis aktibiti kedua

Jenis Aktibiti	Bilangan peserta	Peratus
Membuat/membaiki jaring	3	8.3
Membaiki perahu/bot	1	2.8
Panjat kelapa	1	2.8
Tidak ada	31	81.1
Jumlah	36	100.0

Hanya jumlah yang kecil sahaja diantara mereka yang melakukan aktibiti kedua ini mungkin kerana aktibiti utama mereka sebagai nelayan, yang memerlukan jangka masa yang lama (kadangkala selama 3 atau 4 hari) tidak membenarkan mereka melakukan aktibiti kedua tadi.

(b) Pendapatan

Pendapatan peserta ketika belum masuk rancangan, adalah daripada 2 punca (dengan berdasarkan kepada jenis aktibiti yang dilakukan oleh mereka) iaitu :-

- (i) Pendapatan utama (daripada aktibiti utama sebagai nelayan).
- (ii) Pendapatan kedua (daripada aktibiti kedua yang berbagai jenis tadi).

(i) Pendapatan utama

Jumlah pendapatan peserta daripada aktibiti menangkap ikan adalah seperti yang digambarkan dalam Jadual 9 (dibawah). Jadual ini menunjukkan bahawa kebanyakan daripada peserta (61.1%) mempunyai pendapatan antara 71 hingga 80 ringgit dalam anggaran 1 bulan. Purata utama ialah sebanyak \$80.5¢.

Jadual 9 : Pendapatan Utama

Kelas pendapatan	Bilangan peserta (n)	Purata (\bar{x}) pendapatan (\$)	Peratus
60 dan bawah	3	55.5	8.3
61 - 70	6	65.5	16.7
71 - 80	10	75.5	27.8
81 - 90	12	85.5	33.3
91 - 100	4	95.5	11.1
101 dan lebih	1	105.5	2.8
Jumlah	36	80.5	100.0

(ii) Pendapatan Kedua

Jumlah pendapatan yang dihasilkan daripada jenis aktibiti kedua adalah kecil dan tidak tetap jika dibandingkan dengan pendapatan utama tadi. Peserta mendapat dalam lingkungan 10 dan 15 ringgit (1 bulan) sahaja daripada

aktibiti tersebut. Walau bagaimana pun pendapatan kedua itu tetap memainkan peranan yang besar dalam menambah pendapatan utama yang tidak mencukupi untuk kehidupan mereka yang kebanyakannya menanggung anggota keluarga yang besar.

(F) Sikap dan motivasi terhadap rancangan

Aspek latar belakang mengenai sikap dan motivasi peserta boleh difahamkan menerusi beberapa faktor utama yang telah mendorongkan untuk mengambil bahagian dalam rancangan - tujuan-tujuan utama mereka.

Melalui keterangan yang diberi, ada dua faktor pendorong iaitu :-

(a) Kemudahan-kemudahan

Golongan nelayan itu berpendapat bahawa dengan adanya rancangan ini maka dapatlah diselesaikan tentang masaalah kemudahan-kemudahan yang diperlukan didalam aktibiti mereka. Dengan terdapatnya kemudahan alat tangkapan, yang lebih "cekap" (efficient), misalnya akan membolehkan mereka mencapai tingkat pengeluaran, pendapatan dan taraf hidup yang lebih baik. Kemudahan rumah pula akan dapat menyelesaikan masaalah perumahan.

(b) Dasar rancangan

Walaupun dasar rancangan ini adalah untuk menyediakan beberapa kemudahan dalam meninggikan taraf hidup pesertanya, namun satu perkara yang menarek yang harus ditekankan disini ialah dasar rancangan ini bahawa sekiranya tamat tempoh perlaksanaannya (selama 14 tahun), maka kemudahan terutamanya rumah dan tanah kawasan rumah, itu akan dijadikan sebagai hak-milek mereka. Peluang ini membuka jalan kepada mereka-mereka yang tidak mempunyai tanah.

Apa yang dapat dirumuskan daripada 2 faktor diatas ialah motivasi bagi peserta untuk mengambil bahagian adalah seolah-olah hendak merebut kemudahan-kemudahan yang disediakan. Implikasi yang dapat dilahirkan disini

ialah bahawa tujuan-tujuan atau sebab-sebab mereka memasukki rancangan tersebut, bukannya didorong oleh motivasi-motivasi untuk membangunkan diri mereka menerusi bantuan peralatan dan lain-lain kemudahan itu tadi, tetapi semata-mata didorongkan oleh motivasi yang jauh daripada tujuan rancangan yang sebenarnya.

Bagi "angga dibenturku". Keadaan ini telah mengakibatkan akibat berbilang yang dibentuk oleh para peserta dan para "penarik kumpulan berpuasrah" di dalamnya yang membentuk permasalahan berikut.

(a) Keadaan kawalan

"Keadaan rancangan boleh diambil secara berasingan berdasarkan perbezaan peserta dan jenayah untuk mengelakkan kejadian-

(b) Peranakan dan pengaruhnya terhadap kumpulan

Aktiviti perasaan atau tidak dikehendaki dengan cara berpuasrah atau "runut" halangkan pelajar MFI dari berkongsi maklumat atau emosi, silang dengan maklumat yang diberikan. Pelajar MFI tidak suka dilengkap oleh guru, pelajar tidak suka dilengkap oleh orang tuanya dan mereka tidak suka dilengkap oleh pelajar MFI pada maklumat yang diberikan. Pelajar MFI juga suka dilengkap oleh pelajar yang bukan guru dan maklumat. Pelajar perasaan yang dibenturkan adalah pelajar halang yang berpuasrah seperti berjaya menang atau mendapat kejayaan dalam suatu aktiviti.

Menurut pelajar-pelajar halang halang yang bukan pelajar aktiviti mengalih alih selama 3 minggu. Selain mengalih alih selama 3 minggu pelajar halang mengalih alih selama 3 minggu. Kesan mengalih alih selama 3 minggu antara pelajar halang di bawah teknik seperti yang dimulai ("pada jadual teknik basikal basikal punca-punca"), "Minggu ini penulis juga akan cuba aktiviti seni-seni alternatif. Untukwala yang disampaikan mengalih alih selama tiga minggu. Dan berhendak dengan peraturan halang halang ("peraturan halang halang")

BAB 4

PERKEMBANGAN RANCANGAN (1962 - 1972)

Rancangan ini telah mengalami kemerosotan sejak dari awal lagi ianya dilancarkan. Kemerosotan ini telah disebabkan oleh berbagai kesulitan yang dihadapi oleh pehak peserta dan pehak "Syarikat Kemajuan Kerjasama" di Melaka yang mengendalikan rancangan tersebut.

(A) Kemerosotan Rancangan

Kemerosotan rancangan boleh dilihat dari segi-segi pengeluaran serta pendapatan peserta dan jumlah unit kelengkapan yang bergerak.

(a) Pengeluaran dan pendapatan bagi 1 unit kelengkapan

Aktibiti menangkap ikan telah dilakukan dengan cara berpasukan atau "unit" kelengkapan. Sejumlah 38 buat bot yang disediakan oleh rancangan, dibahagikan kepada 38 buah unit kelengkapan, dimana tiap-tiap sebuah bot merupakan sebagai sebuah unit. Sebuah unit itu disertai oleh seramai 3 orang peserta dan mereka adalah sebagai sebuah kumpulan kecil yang boleh dikatakan "independent" daripada unit-unit yang lain. Ketiga-tiga orang anggota tadi mempunyai taraf kedudukan yang sama dari segi peranan mereka. Jumlah pendapatan yang dihasilkan melalui penjualan hasil tangkapan kepada syarikat kerjasama rancangan akan dibahagikan kepada 3 bahagian dengan sama rata.

Unit-unit kelengkapan keluar kelaut (bagi menjalankan aktibiti menangkap ikan) selama 3 hingga 6 hari seperti mana yang telah ditetapkan dalam peraturan rancangan. Kawasan menangkap ikan ialah disekitaran perairan Malaysia di Selat Melaka seperti Port Dickson (kira-kira 3 batu jauhnya daripada kawasan rancangan). Nelayan ini pernah juga menjalankan aktibiti mereka diperairan Indonesia yang dikatakan mengandungi lebih banyak ikan berbanding dengan perairan Malaysia (pendapat peserta).

Sebelum perlancaran rancangan, purata pengeluaran yang dijangka (matlamat) akan dicapai oleh sebuah unit kelengkapan, dengan menggunakan alat tangkapan yang lebih moden dan "effecient" ialah sebanyak 7 pikul dan purata pendapatan ialah sebanyak \$800.00 (bagi 1 bulan). Ini bermakna bahawa purata pengeluaran yang dijangka akan dicapai oleh seseorang peserta adalah kira-kira $2\frac{1}{4}$ pikul, dan purata pendapatannya ialah lebih kurang \$270.00 sebulan. Implikasi yang didapati disini ialah bahawa pehak yang mengendalikan rancangan berharap semoga menerusi kemudahan alat itu tadi serta satu sistem organisasi pergerakan aktibiti yang teratur (secara kerjasama), maka dapatlah pengeluaran dan pendapatan peserta itu bertambah sebanyak 2 atau 3 kali ganda daripada perengkat sebelum ada rancangan.

Sekiranya diambil angka jangkaan ini untuk dijadikan sebagai ukuran kejayaan, dapat ditarek kesimpulan bahawa rancangan ini tidak berjaya sama sekali. Ianya mengalami kemerosotan sejak mula dilancarkan. Kenyataan ini dapat dibuktikan oleh jadual 10 (muka surat 54).

Jadual 10 ini menunjukkan bahawa purata tangkapan (pengeluaran) yang paling tinggi dicapai bagi sebuah unit kelengkapan yang bergerak adalah sebanyak 5.1 pikul - pada tahun 1962. Jumlah ini terus merosot pada tahun-tahun yang berikutnya. Dari segi purata pendapatan pula jumlah yang tertinggi dicapai adalah sebanyak \$389.00 - pada tahun 1962 juga. Jumlah ini terus merosot mengikut lairan kejatuhan purata pengeluaran dan (mungkin) harga pasaran yang rendah.

Jika dibandingkan antara purata tangkapan dan pendapatan tertinggi (1962) dengan angka yang telah dijangka akan dicapai, ujud satu jurang yang begitu meluas. Ianya bukan sahaja menunjukkan kemerosotan rancangan dari segi pengeluaran dan pendapatan bahkan juga menunjukkan bahawa betapa jauhnya diantara kenyataan (apa yang telah dicapai di sepanjang perkembangan rancangan) dengan matlamat (angka yang dijangkakan) tadi,

Jadual 10 : Purata Pengeluaran dan Pendapatan bagi 1 unit (dari tahun 1962-72)

Tahun	Purata Tangkapan bagi 1 bulan (pikul)	Purata Pendapatan bagi 1 bulan (\$)	Purata Unit Bergerak bagi 1 bulan (buah)	Purata Tangkapan bagi 1 unit untuk 1 bulan (pikul)	Purata Pendapatan bagi 1 unit untuk 1 bulan (\$)
1962	183	14,024	36	5.1	389
1963	83	4,442	37	2.2	120
1964	tiada	3,636	35	-	104
1965	50	4,055	33	1.5	123
1966	51	3,783	29	1.8	130
1967	64	5,587	28	2.3	200
1968 (11 bulan)	64	4,549	25	2.6	182
1969 (3 bulan)	47	3,404	22	2.1	155
1970	48	2,722	18	1.4	151
1971	35	2,188	13	2.7	168
1972	52	1,518	tiada	-	-

Sumber : Jadual ini adalah berdasarkan kepada data dilampirkan "C"
Data tersebut diperolehi daripada Pejabat Perikanan Melaka.

(b) Unit kelengkapan yang bergerak

Kemerosotan daripada bilangan unit kelengkapan yang bergerak juga menunjukkan kemerosotan rancangan tersebut.

Dengan berasaskan pada jadual yang sama (jadual 10), dapat dilihat bahawa purata bilangan unit kelengkapan yang bergerak (bagi satu bulan) pada tahun 1962 ialah sebanyak 36 buah, daripada tahun yang berikutnya bilangan tersebut meningkat kepada 37. Setelah tahun ini, purata bilangan unit yang bergerak terus merosot dan pada tahun 1971 hanya kira-kira 13 buah sahaja yang bergerak. Jumlah ini menunjukkan bahawa pada tahun itu hanya lebih kurang 34.3% sahaja jumlah unit yang ada dan bergerak, berbanding dengan jumlah penuhnya sebanyak 38 buah.

(B) Faktor yang (dikatakan) telah menyebabkan kemerosotan dan kegagalan rancangan.

Oleh kerana rancangan ini melibatkan 2 pehak yang berasingan, iaitu pehak peserta dan pehak yang mengendalikan rancangan, maka faktor-faktor atau pendapat-pendapat mengenai kemerosotan dan kegagalan dapat dijeniskan kepada 2 golongan yang berlainan.

(a) Pendapat peserta

Pendapat-pendapat peserta ialah :-

(i) Kawasan penangkapan yang tidak sesuai

Peserta menyatakan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan kawasan penangkapan ikan rancangan. Kawasan penangkapan ikan dalam perairan Malaysia di Selat Melaka dikatakan tidak mengandungi ikan yang banyak, jika ada pun hanya jenis ikan yang tidak mendapat pasaran yang baik seperti ikan kembong, tamban, pari dan sebagainya. Kawasan yang dikatakan mengandungi banyak ikan ialah diperairan Indonesia dimana terdapat

juga banyak ikan jenis yang baik dan mendapat harga pasaran tinggi seperti ikan merah, parang dan kurau. Perairan di Indonesia dikatakan lebih dalam oleh kerana ia merupakan sebagai "alur kapal".¹

Disebabkan kawasan berdekatan dengan perairan Indonesia itu terdapat banyak perompak-perompak laut maka terpaksa mereka menjalankan aktifiti mereka di kawasan yang berdekatan dengan kawasan rancangan sahaja.

(ii) Alat tangkapan yang terlalu uzur

Oleh kerana alat-alat tangkapan seperti bot, injin dan jaring telah terlalu lama digunakan dan tidak dijaga dengan baiknya, banyak diantaranya menjadi rosak dan lapuk.

Keadaan alat tangkapan menyebabkan pula peserta merasa hilang minat untuk menjalankan aktifiti mereka. Pada tahun 1967, dengan pertolongan bantuan pinjaman bagi kali keduanya dari pehak kerajaan pusat sebanyak \$70,000.00, beberapa buah alat itu telah diperbaiki dan diganti oleh pehak syarikat kerjasama rancangan. Tetapi kerosakan itu maseh berlanjutan dan pehak syarikat tidak mampu untuk membaikinya lagi. Akibat ini banyak diantara alat-alat itu tidak dapat digunakan lagi dan uni kelengkapan pun terpaksa dikurangkan.

(iii) Harga yang tidak memuaskan

Hasil tangkapan peserta dijualkan kepada syarikat kerjasama rancangan, yang mana kemudiannya akan memasarkannya dipasar besar Melaka. Apa yang tidak memuaskan hati peserta ialah harga yang ditetapkan oleh pehak syarikat itu. Mereka mengatakan bahawa harga yang dibeli oleh syarikat daripada mereka adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan harga yang dipasarkan oleh syarikat.

(1) "alur kapal" : Tempat atau jalan yang dilalui oleh kapal. Pada kebiasaan-nya tempat-tempat seperti ini merupakan sebagai tempat yang terdalam dan mengandungi banyak ikan.

Sebenarnya, sebab utama kenapa pehak syarikat berbuat begitu ialah kerana ia terpaksa mencari keuntungan yang agak besar untuk perbelanjaan pengangkutan. Pehak syarikat kerjasama rancangan ini tidak mempunyai kenderaan pengangkutan sendiri. Oleh itu syarikat terpaksa menyewakan lori asing dan sewa pengangkutan adalah dalam bentuk potongan sebanyak 5% daripada jumlah yang diangkut.

Kerendahan harga yang ditetapkan oleh syarikat kepada peserta mempengaruhi pula jumlah pendapatan mereka. Lebih rendah harga yang ditetapkan lebih rendah pula pendapatan peserta. Keadaan pendapatan yang rendah ini menjadikan peserta merasa "malas" untuk menjalankan aktifiti tersebut atau pun untuk mendapatkan hasil tangkapan yang lebih banyak.

(iv) Kecurangan pentadbir-pentadbir syarikat kerjasama rancangan

Peserta juga merasa tidak puas hati dengan perlakuan setengah daripada pentadbir-pentadbir syarikat kerjasama disitu. Mengikut pendapat mereka bahawa kemerosotan pendapatan rancangan bukan semata-mata telah disebabkan oleh kemerosotan pengeluaran tetapi telah juga disebabkan oleh perlakuan yang curang itu.

Dalam proses pemasaran ikan, kebiasaanya pehak s syarikat akan menghantarkan seorang wakil (salah seorang daripada ahli jawatan kuasa syarikat) untuk mengikut lori pengangkutan apabila membawa ikan kepasar besar Melaka. Apabila dipasar, tugasnya adalah untuk menjaga ikan-ikan tersebut hingga dijualkan pada keesokkan harinya. Tetapi kerapkali orang-orang yang ditugaskan itu mengambil kesempatan untuk melawat sahabat atau tidur di tempat-tempat lain dan tidak menjaga ikan-ikan itu tadi. Akibatnya banyak daripada ikan-ikan tersebut telah dicuri dan ini menyebabkan hasil yang dijual (setelah dicuri) menjadi kurang.

(v) Konfrantasi

Ketegangan politik akibat daripada konfrantasi yang berlaku antara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1963 disifatkan faktor yang

utama dalam menyebabkan kemerosotan dan kegagalan rancangan ini.

Semasa berlakunya konfrantasi, perairan Malaysia di Selat Melaka yang mana merupakan sebagai kawasan aktifiti peserta telah menjadi sebagai kawasan yang tidak selamat. Ini ialah kerana terdapatnya beberapa kejadian perompakan dan perampasan alat-alat tangkapan yang dilakukan oleh perompak-perompak laut. Oleh kerana ketakutan, bilangan nelayan yang bergerak pada waktu-waktu konfrantasi dan selepasnya, terus sahaja merosot. Sebilangan kecil diantara yang maseh berani itu, hanya menjalankan aktifiti-aktifiti mereka dikawasan yang terdekat sekali pada kawasan daratan. Mereka juga tidak kelaut mengikut peraturan yang ditetapkan oleh syarikat, sebab tidak berani untuk bermalam dilaut.

Kekurangan dari segi unit kelengkapan yang bergerak dan perjalanan aktifiti dikawasan yang terdekat dengan kawasan daratan (pantai) telah menyebabkan hasil keluaran peserta menjadi kurang dan berikutnya menyebabkan pula kemerosotan pengeluaran dan pendapatan rancangan secara umumnya.

(b) Pendapat pehak "Syarikat Kemajuan Kerjasama"

Pehak Syarikat Kemajuan Kerjasama yang mengendalikan rancangan ini mengemukakan pendapat yang berlainan dan bertentangan dengan pendapat peserta. Pehaknya menyatakan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan dan kegagalan rancangan adalah disebabkan oleh sikap dan sifat peserta itu sendiri terhadap rancangan. Pendapat-pendapat pehak ini ialah :-

(i) Sifat Kurang usaha

Pehak Syarikat itu menyatakan bahawa sifat umum yang terdapat pada peserta yang mengambil bahagian itu ialah sifat malas dan kurang usaha.

Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui hari dan masa yang diambil oleh tiap-tiap unit kelengkapan yang bergerak. Pada perengkat

awal rancangan masa yang diambil pada setiap kali mereka keluar kelaut ialah selama 3 hingga 6 hari seperti mana yang telah ditetapkan dan kekerapan mereka keluar ialah kira-kira 8 - 10 kali dalam masa satu bulan. Jumlah hari tersebut menjadi merosot ditahun-tahun setelah perlancarannya terutama sekali diperengkat semasa dan selepas berlakunya konfrantasi. Nelayan mulai keluar kelaut pada waktu subuh dan balek pada waktu tengahari atau petang (dihari yang sama). Masa yang diambil ini terlalu singkat untuk membolehkan mereka menghasilkan tangkapan yang banyak. Mengikut anggaran, purata jam yang diambil untuk pergi kekawasan penangkapan ikan (3 hingga 4 batu daripada kawasan daratan) ialah kira-kira 2 hingga 3 jam lamanya. Jadi, sekiranya sebuah unit kelengkapan itu bergerak pada waktu subuh dan balek pada waktu petangnya, maka masa yang diambil untuk menangkap ikan adalah kurang daripada 10 jam, dan ini tidak mencukupi dan ekonomikal dari segi perbelanjaan mereka.

(ii) Kerjasama antara anggota-anggota unit

Tidak ujud sifat kerjasama antara ahli-ahli dalam sesebuah unit kelengkapan. Banyak masalah dan kesulitan telah timbul semasa menjalankan aktiviti dan seringkali berakhir dengan pergaduhan dan perpecahan antara ahli-ahli unit tersebut. Salah faham timbul apabila menentukan waktu dan tempat untuk menangkap ikan. Ada diantaranya yang mahukan masa yang lama dan ada pula yang sebaleknya; ada yang mahu pergi ketempat yang jauh daripada kawasan daratan dan ada pula yang tidak.

Kekecuan dan pergeseran yang berlaku telah menyebabkan ramai daripada ahli-ahli unit telah berpecah dan pindah keunit-unit lain yang dirasakan sesuai bagi mereka tanpa meminta kebenaran daripada pehak Syarikat Kerjasama disitu. Apabila diunit-unit baru, beberapa salah faham baru pula timbul dan didapati ahli-ahli unit sentiasa sahaja bertukar-tukar unit mereka.

Keadaan seperti ini telah mengusutkan sistem pentadbiran Syarikat Kerjasama rancangan dan untuk mengelakkan daripada per-

gaduhan dan pergeseran yang berpanjangan, banyak diantara unit-unit itu telah dihentikan daripada menjalankan aktifiti. Kekurangan unit yang bergerak menambahkan lagi kemerosotan rancangan.

(iii) Kecurangan peserta

Oleh kerana banyak daripada alat tangkapan khususnya jaring telah diadukan hilang, pehak syarikat rancangan telah membuat beberapa penyiasatan. Apa yang didapati ialah kebanyakkan daripada aduan-aduan adalah palsu. Ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa beberapa orang diantara peserta telah menjualkan jaring mereka kepada nelayan-nelayan asing semasa dilaut.

Selain daripada penjualan jaring, kecurangan peserta juga dapat dilihat apabila mereka menjualkan sejumlah besar daripada hasil tangkapan mereka kepada "orang-orang tengah"¹ semasa dilaut. Hanya sejumlah kecil sahaja daripada hasil tangkapan itu dikatakan dibawa balek untuk dijualkan kepada syarikat.

(iv) Selalu balekkekampung asal

Perkara ini mungkin tidak menjadi sebagai satu masaalah besar kepada golongan peserta daripada kawasan Kuala Linggi dan Kuala Sungai Baru oleh kerana kampung asal mereka itu berdekatan sahaja dengan kawasan rancangan. Tetapi bagi golongan daripada Tanjung Keling, perkara ini merupakan sebagai masaalah yang besar kepada pehak syarikat. Oleh kerana sering-kali mereka didapati tidur disana.

Masaalah ini ternyata seperti yang telah disebutkan oleh Pmbantu Perikanan Kuala Linggi kepada Pengarah Perikanan di Melaka. Katanya, "There are altogether 7 units of members from Tanjung Keling. The units are MF 2295, 2296, 2298, 2301, 2304, and 2305. Although the members are given houses in the scheme, their families seldom stay there but preferred to stay in their old homes in Tanjung Keling. As a result of this whenever

(1) "orang tengah" adalah orang perantaraan antara nelayan dan pasar. Mereka mungkin merupakan golongan yang khusus dimana mereka membeli hasil tangkapan nelayan dan memasarkannya.

the unit left for fishing they always stopped at Tanjung Keling. From previous records, units left the Kuala Linggi for fishing trips lasting from period between 3 to 6 days. It was observed that during this period the boats were anchored at Tanjung Keling. Once in Tanjung Keling they forgot that their base at Kuala Linggi".¹

Keterangan daripada isi surat ini menunjukkan bahawa golongan peserta daripada Tanjung Keling, tidak menjalankan aktibiliti dengan sepenuhnya, malah mengambil kesempatan dengan menggunakan bot-bot rancangan untuk balek kekampung asal mereka.

(v) Sikap negatif terhadap kemudahan rancangan

Peserta rancangan tidak menunjukkan sikap yang baik terhadap kemudahan yang disediakan khasnya terhadap alat-alat tangkapan. Mereka tidak mempunyai insentif untuk membaiki sendiri alat-alat tangkapan yang mereka gunakan. Seringkali bot-bot mereka dibiarkan begitu sahaja tanpa dibersehkan terlebih dahulu. Sikap dan perlakuan seperti ini telah mempercepatkan lagi kerosakan alat-alat tersebut.

(C) Kesan Kemerosotan Pengeluaran dan Pendapatan peserta terhadap kedudukan Syarikat Kerjasama rancangan.

Kemerosotan hasil tangkapan peserta rancangan sejak dari perengkat awal rancangan ini dilancarkan telah menyebabkan pihak Syarikat Kerjasama rancangan mengalami banyak masaalah kewangan. Penjualan hasil tangkapan kepada "orang-orang tengah" telah menambahkan lagi kemerosotan kewangannya. Oleh kerana keuntungan syarikat adalah bergantung kepada jumlah pengeluaran peserta. Perlakuan peserta untuk mengelakkan diri daripada potongan hutang telah mengakibatkan pihak syarikat itu tidak mampu untuk membayar balek

(1) Isi kandungan surat daripada Pembantu Perikanan Kuala Linggi Sdr. Ahmad Akhiruddin bin Mohamed Yusof kepada Pengarah Jabatan Perikanan Melaka bertarikh 7/11/63.

bantuan wang pinjaman kerajaan pusat yang berjumlah \$370,000.00 itu. Ke-rosakan dan kehilangan alat-alat tangkapan khususnya menambahkan lagi beban yang dipikul oleh syarikat dan akhirnya syarikat kerjasama rancangan itu terpaksa dibatalkan pendaftarannya pada 8hb. Ogos, 1972.

Kedudukan kewangan syarikat kerjasama rancangan semasa tarikh pembatalannya digambarkan dalam jadual 11. Jadual ini menunjukkan bahawa jumlah pinjaman wang daripada kerajaan pusat yang maseh menjadi tanggungan kepada pehak syarikat itu adalah sebanyak 326,176.00. Jumlah ini menunjukkan bahawa hanya yang telah dibayar balek setelah lebih kurang 11 tahun perjalannanya.

Pembatalan dan pembubaran syarikat kerjasama rancangan telah menamatkan riwayat hidup rancangan sebelum jangka masa yang telah dirancang (14 tahun).

Jadual 11 : Penyata harta dan tanggungan pada tarikh pembatalan pendaftaran syarikat (Ogos 1972).

Tanggungan	Harta
1) Modal bahagian \$2189.00	1) Wang simpanan Pejabat Pos -
2) Pertarohan	2) Wang Bank \$23817.98
3) Pinjaman Kerajaan \$326,176.00	3) Wang ditangan \$44.04
4) Pinjaman daripada Bank, persatuan/lain-lain syarikat	4) Penanaman modal dalam Bank persatuan/lain-lain syarikat
5) Lain-lain hutang \$150.00	5) Baki hutang barang ahli \$43500.35
6) Kira-kira untung rugi \$95,197.12	6) Lain-lain harta \$ 356,349.75
Jumlah \$423,712.12	Jumlah \$423,712.12

BAB 5

ANALISA TENTANG KEGAGALAN RANCANGAN

Dalam bab 4 telah dikemukakan tentang beberapa faktor yang "dikatakan" telah menyebabkan kemerosotan dan kegagalan rancangan ini. Faktor-faktor itu adalah semata-mata berkisar kepada aspek kemerosotan pengeluaran dan pendapatan rancangan. Dua golongan pendapat tersebut adalah daripada dua pihak yang terlibat iaitu, pihak peserta dan pihak yang mengendalikan rancangan. Tidaklah merupakan suatu perkara yang luar biasa apabila didapati pendapat-pendapat dari dua golongan itu berbeda malah bertentangan oleh kerana memang sudah menjadi satu perkara yang lumrah dimana tidak ada pihak yang mahu mengakui ataupun menonjolkan kelemahan dan kesalahan setelah dilakukan.

Pada pendapat pengkaji faktor-faktor yang dinyatakan itu bukanlah merupakan sebagai elemen-elemen penting dalam mengakibatkan kemasuhan rancangan ini. Faktor-faktor tersebut adalah disifatkan sebagai yang "secondary". Apa yang hendak ditegaskan disini ialah terdapatnya beberapa faktor lain yang bersifat "primary". Keujudan beberapa faktor jenis inilah yang telah menimbulkan faktor-faktor "secondary" itu. Dengan kata lain, faktor-faktor yang disifatkan sebagai "secondary" tidak merupakan sebagai "determining factors" dalam menyebabkan keruntuhan rancangan tetapi adalah merupakan sebagai ekoran daripada faktor-faktor bersifat "primary" yang lebih penting dan berkesan pengarohnya.

"Primary factors" ini boleh dianalisa menerusi 2 aspek yang besar iaitu :-

- (A) Faktor jenis peserta (latar belakang)
- (B) Faktor jenis rancangan (latar belakang kemudahan)

(A) Jenis Peserta

Sebuah rancangan pembangunan itu perlukan jenis peserta yang sesuai atau secucuk dengan tujuan dan jenis rancangan. Beberapa ciri penting seharusnya ditetapkan dan untuk dijadikan sebagai dasar ukuran dalam proses pemilekan peserta. Sesungguhnya, tidak memadai (contohnya) sekiranya peserta yang dipilih itu mempunyai tujuan dan motivasi yang menyeleweng daripada tujuan rancangan yang sebenarnya. Juga tidak memadai sekiranya pihak yang memilih peserta itu tadi mempunyai tujuan dan motivasi yang bersifat "udang diseboleh batu". Tujuan-tujuan yang menyeleweng daripada tujuan yang sebenarnya boleh meracunkan dan menyebabkan gagalnya sebuah rancangan itu untuk mencapai matlamatnya.

Dalam proses pemilihan peserta rancangan ini, antara beberapa syarat yang telah dipentingkan ialah darisegi-segi kewarganegaraan (mestilah warga negara Persekutuan dan Negeri), jantina serta bangsa (mestilah lelaki yang berbangsa Melayu), tanggung jawab keluarga (mestilah sudah beristeri dan mempunyai keluarga), dan akhirnya ialah dibidang pengalaman (mestilah mempunyai latar belakang pengetahuan/pengalaman dalam bidang menangkap ikan).

Apa yang dapat dilihat daripada syarat-syarat itu ialah tidak adanya penumpuan tentang beberapa aspek sosial dan saikolojikal yang memainkan peranan yang lebih besar dalam menentukan apakah jenis peserta yang sesuai untuk rancangan ini. Kenyataan ini dapat dilihat melalui 4 aspek penting, iaitu:-

- (a) Ikatan sosial peserta.
- (b) Tingkat umur - golongan yang sudah "tua".
- (c) Tingkat pelajaran (persekolahan) yang rendah dan golongan buta huruf yang besar.
- (d) Sikap dan motivasi yang menyeleweng.

(a) Ikatan sosial peserta;

Anggota masyarakat Melayu sejak dari dahulu kala, khususnya bagi golongan yang tinggal di kawasan luar bandar, hidup secara yang ber-kumpulan. Dalam sesebuah kawasan perkampungan, anggotanya terdiri daripada orang-orang yang mempunyai tali persaudaraan dan seseorang anggota kumpulan masyarakat tersebut tidak suka untuk berpindah ke kawasan luar dan jauh daripada kawasan kumpulan itu tadi.

Kawasan rancangan ini terletak di kawasan Kuala Linggi. Mungkin tidak menjadi satu masaalah besar kepada peserta rancangan yang berasal daripada Kuala Linggi sendiri untuk tinggal dalam kawasan rancangan tersebut oleh kerana walaupun mereka pindah, tetapi mereka masih lagi berdekatan dengan anggota masyarakat sendiri dan boleh berhubung dengan mereka setiap hari. Sebaiknya proses memindahkan peserta dari kawasan yang jauh - Kuala Sungai Baru (5 batu dari kawasan rancangan) dan Tanjung Keling (25 batu dari kawasan rancangan) menimbulkan satu masaalah sosial yang besar bagi mereka.

(b) Bagi peserta yang berasal daripada Tanjung Keling, dan Kuala Sungai Baru, mereka merasa bahawa diri mereka telah terpencil daripada anggota masyarakat mereka, terutamanya dari saudara-mara. Faktor tersebut telah menyebabkan ramai di antara peserta daripada golongan ini mengambil peluang-peluang untuk balek kekampung asal mereka semasa perjalanan rancangan. Masaalah ini telah dibuktikan dalam kenyataan surat seorang wakil (pegawai perikanan disitu, Encik Akhirruddin bin Mohamad Yusuf, tentang masaalah yang dihadapinya terhadap peserta yang berasal daripada Tanjung Keling (sila lihat bab 4 : muka surat 61).

Ikatan pertalian persaudaraan dengan anggota masyarakat di-kampung asal juga terbukti apabila dilihat jumlah bilangan peserta daripada Tanjung Keling dan Kuala Linggi yang telah keluar dan balek kekampung asal mereka. Dengan berpandukan kepada Jadual 3 (bab 3 : Muka Surat 37) dapat dilihat bahawa sebanyak 65.0% daripada peserta Kuala Sungai Baru telah

berpindah keluar dan balek kekampung asal mereka. Bagi peserta Tanjung Kelingnya pula bilangan yang telah keluar adalah sebanyak 90.5%. Tetapi bagi peserta Kuala Linggi yang tinggal dalam rancangan itu, peratus bilangan yang (mungkin) keluar adalah lebih kecil daripada yang masuk. Ini menyebabkan terdapatnya pertambahan sebanyak 16% bagi peserta tersebut dalam kawasan rancangan. Peluang terbuka untuk menduduki rumah-rumah yang telah dikosongkan oleh peserta yang keluar itu menjadi faktor utama dalam menyebabkan berlakunya perkara tersebut.

Implikasi daripada kegagalan yang disebabkan oleh faktor pertalian persaudaraan dan anggota masyarakat dikampung asal menunjukkan bahawa sebuah rancangan seperti ini perlu diadakan dalam kawasan perkampungan peserta itu sendiri atau berdekatan dengannya. Dengan cara ini masaalah seperti ini tidak mungkin timbul oleh sebab akan terdapat satu proses perlanjutan pertalian perhubungan yang rapat antara mereka dengan kumpulan masyarakat sendiri.

(b) Tingkat umur - golongan yang sudah "tua";

Elemen "umur" tidak seharusnya diketepikan apabila proses pemilihan peserta dibuat. Selain daripada dapat menentukan tingkat tenaga pengeluaran, umur juga boleh menentukan apakah jenis sikap dan mentaliti yang dipunyai oleh peserta, mengikut golongan umur yang tertentu.

Peserta yang dipilih untuk menyertai rancangan ini adalah terdiri daripada golongan yang sudah terlalu tua jika dibandingkan dengan jenis aktibiti yang dilakukan. Jadual mengenai perengkat umur ketika peserta mula masuk rancangan (Jadual 4 : m.s. 40) menunjukkan bahawa sebanyak 30.6% diantara mereka berumur dalam lingkungan 44 hingga 49 tahun, dan sebanyak 69.4% yang lainnya adalah dalam lingkungan 38 hingga 43 tahun. Purata umur yang ditunjukkan ialah sebanyak 43.5 tahun.

Pekerjaan menjalankan aktibiti menangkap ikan ini bukanlah merupakan sebagai suatu aktibiti yang mudah. Ianya memerlukan golongan orang yang mempunyai tenaga yang kuat untuk menghasilkan hasil tangkapan yang banyak dan memerlukan juga golongan yang boleh menyesuaikan diri dengan unsur-unsur

baru dengan mudah.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa golongan peserta yang mengambil bahagian ini mempunyai pengalaman yang cukup dalam bidang menangkap ikan. Ini ternyata melalui perengkat umur yang sudah tinggi. Jika dibuat anggaran, sekurang-kurangnya tiap-tiap seorang peserta itu sudah pun mempunyai 10 hingga 20 tahun pengalaman dilaut. Ini berikutan dengan perengkat umur ketika mereka mula menceburkan diri dalam lapangan tersebut. Kesemua mereka adalah berlatar belakangkan keluarga nelayan dan ini bermakna bahawa sejak dari kecil lagi mereka telah mengenali akan aktibiti tersebut. Mereka mula menolong bapa mereka ketika umur belasan tahun lagi,

Sekiranya dijadikan pengalaman sebagai ukuran pengeluaran, boleh diakui bahawa lebih dalam pengalaman seseorang itu dalam sesuatu bidang lebih tinggi pula hasil pengeluarannya. Tetapi satu masaalah lain yang harus ditumpukan ialah kaitan yang rapat antara perengkat umur seseorang itu dengan tenaga pengeluaran. Umumnya dalam jenis aktibiti yang memerlukan tenaga yang banyak ini, perkaitan antara tingkat umur dan tingkat pengeluaran adalah bersifat berbalek atau "reverse". Ini bermakna bahawa lebih meningkat tua seseorang peserta itu lebih kurang tenaga pengeluarannya (disebabkan oleh keuzuran badan) dan ini akan mengakibatkan lebih rendah pula jumlah pengeluaran yang kan dihasilkan. Kenyataan ini terbukti dalam sejarah perkembangan rancangan ini dari segi pengeluaran dan pendapatan purata peserta (sila lihat lampiran C).

Dari segi saikolojikal, perengkat umur boleh mempengaruhi sikap dan mentaliti seseorang peserta. Peserta yang terdiri daripada golongan "tua" umumnya tidak suka kepada unsur-unsur baru tersebut. Masaalah ini dirasakan oleh peserta rancangan ini. Perengkat umur mereka yang tinggi (tua) itu menyebabkan mereka tidak suka "dikerah" dalam ertikata mereka tidak mahukan sistem yang menetapkan peraturan-peraturan seperti menetapkan jumlah hari mereka sepatutnya tinggal dilaut atau semasa bila mereka patut pergi dan balek. Peraturan-peraturan yang seperti ini merupakan sebagai perkara baru kepada mereka yang mana tidak pernah pun ujud semasa diperengkat sebelum masuk ran-

cangan. Sekiranya diperengkat sebelum masuk rancangan mereka mempunyai kebebasan dalam menetapkan hari dan semasa bila mereka perlu kelaut, tetapi semasa rancangan mereka tidak dapat berbuat demikian.

Dalam rancangan yang memerlukan penggunaan tenaga yang kuat berkehendakkan pula golongan peserta yang jauh lebuh "muda" daripada perengkat umur golongan peserta rancangan ini. Walaupun tingkat pengalaman bagi golongan "muda" ini tidaklah setinggi golongan yang "tua" itu dalam bidang menangkap ikan, namun mereka lebuh aktif dan boleh mengeluarkan hasil tangkapan yang lebuh. Golongan muda ini boleh dikatakan lebuh "tahan lasak" daripada golongan tua itu tadi. Mereka lebuh jarang diserang oleh sakit-sakit akibat daripada kezuruan kesihatan dan seumpamanya. Juga golongan "muda" ini lebuh bersifat "liberal" jika dibandingkan dengan golongan "tua" dalam penerimaan dan penyesuaian dengan unsur-unsur baru.

(c) Tingkat pelajaran yang rendah dan golongan buta huruf yang besar

Satu lagi faktor "primary" yang telah menyebabkan gagalnya rancangan ini adalah ramai daripada peserta itu mempunyai tingkat pelajaran yang terlalu rendah dan golongan buta huruf yang besar.

Dari jumlah seramai 36 orang peserta itu walaupun seramai 20 orang atau 55.6% daripada mereka yang pernah menerima pelajaran disekolah, namun tingkat pelajaran yang dicapai itu adalah terlalu rendah sekali - perengkat kelulusan yang tertinggi sekali dicapai oleh mereka adalah se-takat darjah 4 sahaja (sila lihat Jadual 5 ; m.s. 42). Sebanyak 44.4% yang lainnya tidak bersekolah langsung. Tetapi tidak kesemua golongan yang pernah menduduki bangku sekolah itu dapat digolongkan sebagai golongan yang "literate" oleh kerana ramai diantara golongan ini yang telah lupa akan pelajaran yang diajarkan disekolah (membaca dan menulis). Hanya sebanyak 35.0% sahaja daripada golongan yang pernah memasukki sekolah itu boleh dikatakan sebagai golongan yang "literate". Ini bermakna bahawa sebanyak 80.6% atau seramai 29 orang antara mereka yang buta huruf.

Besarnya peratusan yang buta huruf ini mengimplikasikan pula bahawa rancangan mempunyai kecacatan yang besar.

Faktor pelajaran, seperti juga faktor umur, boleh mempengaruhi sikap dan mentaliti peserta itu. Selain daripada dapat menolong mereka dalam membaca dan menulis, ia dapat juga memperluaskan pemandangan mereka. Peserta yang tahu membaca itu mungkin dapat mengetahui lebih dalam akan pengertian konsep "Syarikat Kerjasama" dengan cara membaca akan makallah yang diterbitkan oleh pehak Syarikat Kerjasama. Lapuran-lapuran bulanan atau tahunan lebih memberikan erti kepada mereka apabila membaca sendiri daripada mendengar keterangan-keterangan yang mungkin diberikan secara tidak langsung dalam mesyuarat-mesyuarat dan seumpamanya. Golongan yang mempunyai pandangan yang luas, hasil dari luas pembacaan ini, umumnya akan bersifat lebih "liberal" dan tidak sukar bagi mereka untuk menerima unsur-unsur baharu seperti yang diujudkan dalam rancangan ini.

Malangnya lebih $\frac{2}{3}$ daripada peserta rancangan yang dipilih itu daripada golongan yang buta huruf. Kesannya bukanlah hanya setakat tidak tahu membaca atau menulis sahaja malah lebih daripada itu. Berbeda dengan golongan yang tahu membaca dan menulis tadi, golongan ini tidak dapat menaruhkan nilai yang tinggi terhadap rancangan. Konsep Syarikat Kerjasama bagi mereka difahamkan sebagai satu persatuan yang mana ahli-ahlinya "bergotong royong" dan tujuannya adalah semata-mata untuk memberikan segala kemudahan yang diperlukan oleh mereka. Konsep "keuntungan" yang diambil oleh pehak syarikat akan disalah fahamkan oleh mereka dan ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap syarikat dan menyebabkan perlakuan curang seperti penjualan hasil tangkapan mereka kepada "orang-orang tengah" untuk mengelakkan diri daripada potongan hutang yang dibuat oleh pehak syarikat kerjasama itu.

(d) Sikap dan motivasi yang menyeleweng;

Tujuan mengapa peserta ingin mengikuti sesebuah rancangan itu perlu dikaji dengan teliti oleh kerana ada kalanya tujuan yang dinyatakan

itu hanya semata-mata sebagai "tipu-helah" sahaja. Ada tujuan-tujuan lain yang disembunyikan oleh mereka. Tujuan-tujuan yang menyeleweng dari pada tujuan rancangan yang sebenarnya menyebabkan berlakunya kegagalan seperti yang terdapat dalam rancangan ini.

Dasar rancangan ini untuk memberikan beberapa kemudahan seperti perumahan dan tanah kawasan serta menjadikan kemudahan itu sebagai hak milik peserta selepas tempuh jangka masa yang telah ditetapkan adalah suatu dasar yang tidak baik khususnya bagi golongan mereka yang miskin dan memerlukan rumah dan tanah. Ini adalah kerana peluang-peluang seperti ini boleh mengaburi mata dan hati peserta. Mereka memilih untuk menyertai rancangan tersebut bukanlah semata-mata meninggikan taraf hidup mereka, seperti mana yang diharapkan oleh pehak pemerintah, tetapi bertujuan untuk merebut peluang keemasan yang ada, iaitu untuk mendapatkan rumah dan kawasan tanah.

Sikap dan motivasi yang begitu jauh menyeleweng daripada matlamat rancangan menyebabkan peserta itu tidak dapat berusaha bersungguh-sungguh didalam menjalankan aktifiti rancangan oleh kerana apa yang dikehendakki telah pun mereka dapat.

(B) Jenis Rancangan

Seperti juga dengan faktor jenis peserta, rancangan ini mempunyai banyak kelemahannya. Kelemahan-kelemahan tersebut dapat dilihat dari segi proses perlaksanaan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

(a) Penglibatan peserta dalam perlaksanaan

Rancangan ini telah diusahakan 100% oleh pehak Kerajaan Negeri Melaka. Pembukaan kawasan, pembinaan jalan, rumah, gedung menyimpan ikan, jetti, padang permainan dan sebagainya telah dijalankan sendiri oleh jentera kerajaan. Ini mengimplikasikan bahawa pehak peserta yang hendak menyertai rancangan itu tidak terlibat sama sekali dengan proses perlaksanaannya. Peserta rancangan hanya diperlukan untuk mengisi borang permohonan dan sekiranya mereka berjaya dalam perengkat temuduga, maka dapatlah mereka menikmati

segala kemudahan yang sudah tersedia ada. Mereka tidak perlu untuk turut sama membanting tulang dan mengeluarkan peluh untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Dalam sesebuah rancangan, mestilah ada perkaitan emosi yang rapat antara peserta dan rancangan itu sendiri. Untuk mengujudkan perkaitan emosi ini, mestilah ujud satu cara dalam mana peserta itu diberi peluang dan initiatif untuk "membina" rancangan tersebut. Titik peluh mereka perlu dicurahkan kedalam perlaksanaan rancangan. Umpamanya peserta diberikan peluang untuk bersama-sama menebang dan menebas untuk membersehkan kawasan yang hendak dijadikan kawasan rancangan rumah-rumah. Melalui proses penglibatan secara langsung ini, dapatlah peserta rancangan itu menaruh satu pertalian emosi dan sentimen yang rapat terhadap kemudahan-kemudahan yang diusahakan dengan tenaga mereka sendiri.

Dalam rancangan ini akibat daripada tidak adanya proses penglibatan peserta secara langsung dalam proses perlaksanaan rancangan timbul beberapa kesan sosial yang buruk terhadap kemudahan rancangan yang disediakan. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan keadaan kemudahan tersebut setelah beberapa lama sahaja rancangan ini dilaksanakan. Jalan-jalan yang ada telah banyak yang rosak disebabkan oleh hakisan air. Kebanyakkan rumah-rumah peserta yang telah dikosongkan oleh peserta-peserta yang balek kekampung asal menjadi sasaran kekejaman peserta yang tinggal itu sendiri. Papan-papan lantai dan dinding rumah telah diambil oleh peserta lain yang digunakan untuk membaiki atau membesarkan rumah-rumah mereka. Alat-alat permainan kanak-kanak yang dibina telah juga dibiarkan musnah begitu sahaja. Tidak timbul usaha daripada peserta sendiri untuk membaiki kemudahan seperti yang telah disebutkan tadi oleh kerana mereka tidak "merasai" akan kesusahan bagi pembinaannya.

Dari segi kemudahan alat tangkapannya pula, tidak terdapat juga penglibatan peserta oleh kerana alat-alat itu telah disediakan oleh pihak "luar". Bot-bot yang berjumlah 38 buah itu telah diupah buat daripada tukang bot dibandar Melaka dan injin serta jaring telah dibeli daripada negara Jepun.

Peserta rancangan hanya menerima alat tangkapan dalam bentuk yang sudah pun siap. Bagi perbelanjaan penyediaan alat tangkapan ini, wang bantuan dari kerajaan sebanyak \$300,000.00 (bantuan pertama) itu telah digunakan. Peserta-peserta tidak diperlukan untuk membayar wang pendahuluan atau disokong (back) oleh sebarang "cagaran" atau pun "jaminan" untuk mendapatkan alat-alat itu.

Tidak hanya sebarang "cagaran" atau "jaminan" ini mengimplikasikan seolah-olah alat-alat tangkapan itu didapati dengan "percuma" sahaja. Akibatnya tidak ujud pertalian emosi antara peserta dengan alat-alat tadi. Apabila keadaan ini berlanjutan didapati timbul pula suatu anggapan bahawa alat tangkapan itu adalah sebagai "harta kerajaan" dan mereka tidak memperdulikan atau bertanggung jawab apabila ada kerosakkan berlaku. Sikap negatif ini mengakibatkan banyak daripada alat-alat kemudahan terus menjadi rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

Kesimpulannya, dapat dikatakan disini bahawa penglibatan peserta secara langsung dalam proses perlaksanaan rancangan memainkan peranan penting dalam mengujudkan "emotional and sentimental attachment" itu tadi. Peter Du Sautoy dalam kajiannya mengenai Rancangan Pembangunan Masyarakat di Ghana menyatakan bahawa, "There is a pride of achievement which everyone gains from something they have helped to construct with their own hands rather than had erected by a benevolent but distant Government".¹

(b) Pembangunan berbentuk fisikal

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab 1 (penguraian konsep), konsep "pembangunan" mengimplikasi bahawa adanya perubahan kearah kemajuan dari 2 segi, iaitu, ekonomi dan sosial. Pada umumnya pembangunan dalam bidang ekonomi ini berkait rapat dengan pembangunan yang bersifat kebendaan atau "material". Misalnya adanya institusi-institusi baru untuk membawakan perubahan. Pembangunan dalam bidang sosial pula dikaitkan dengan pembangunan dalam aspek-aspek bersifat "non-material". Umpamanya ada perubahan dari segi nilai, sikap dan pandangan.

(1) Peter Du Sautoy : Community Development in Ghana, m.s. 118.

Oleh sebab matlamat utama bagi rancangan ini ialah untuk memperolehi tingkat pengeluaran dan pendapat yang tinggi, maka pihak pengajur mengadakan jenis-jenis keperluan yang diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut. Alat-alat tangkapan yang lebih moden dan cekap pun disediakan, jerti dibina untuk memudahkan peserta memunggah hasil tangkapan dan gedung menyimpan ikan yang disertakan dengan sebuah bilik sejuk digunakan untuk menyimpan ikan sebelum dijual. Institusi baru seperti "Syarikat Kerjasama" telah juga diadakan untuk peserta bekerjasama dalam pergerakan aktibiti-aktibiti mereka.

Kemudahan-kemudahan seperti ini adalah semata-mata untuk mengujudkan pembangunan dari segi fizikal sahaja. Jika sekiranya diperengkat sebelum rancangan, golongan nelayan tidak mempunyai alat-alat tangkapan yang moden dari "efficient", diwaktu rancangan, alat-alat tersebut telah pun ada. Tetapi kemudahan dari segi fizikal ini sahaja tidak mencukupi untuk mengujudkan pembangunan. Pembangunan-pembangunan hanya boleh dicapai dengan sempurna sekiranya unsur-unsur fizikal itu diimbangi pula dengan unsur-unsur yang bersifat "non-material", iaitu aspek sosial.

Pembangunan dalam aspek "non-material" ini boleh diadakan dalam sebuah rancangan dalam bentuk program-program tambahan (additional programs). Misalnya peserta diberikan bukan sahaja penerangan tentang cara penggunaan alat-alat moden tetapi diberikan khusus-khusus yang tertentu. Masaalah buta huruf yang menjadi penghalang besar kepada perkembangan rancangan itu perlu dibasmi sejak dari perengkat awal perlancaran rancangan itu lagi. Kegiatan-kegiatan sosial lain seperti mengadakan persatuan belia atau kaum ibu boleh membuka jalan kearah kehidupan yang lebih selesa bagi penduduk-penduduk dalam rancangan itu.

Satu masaalah besar akibat daripada penekanan yang berat sebelah dalam dasar pembangunan rancangan ini ialah tidak adanya tanda-tanda yang menunjukkan ujudnya proses "penilaian dan menyalur balek" (evaluation and feed back). Apa yang terdapat dalam rancangan ini hanya lapuran bulanan tentang jumlah penangkapan dan pendapatan peserta.

Proses "feed back" bukan sahaja berguna kepada pehak yang mengendalikan rancangan tersebut malah juga berguna kepada peserta yang mengambil bahagian itu. Melalui proses ini terdapatnya "two-way traffic" dimana pehak peserta dapat menyalurkan segala masaalah dan rasa tidak puas hati mereka kepada pehak "atas" yang merupakan pehak pemerintah atau pehak yang mengendalikan rancangan. Pehak "atas" itu tadi akan meninjau dan menimbangkan masaalah-masaalah tersebut dan kemudian akan menyalurkan balek kepada peserta. Proses penyaluran kembali ini memerlukan cara-cara tertentu yang difikirkan sesuai dengan jenis peserta, khususnya tingkat pelajaran mereka. Penyaluran kembali berbentuk keterangan bertulis seperti terdapat dalam lapuran-lapuran yang penuh dengan data-data mungkin tidak sesuai bagi peserta rancangan ini oleh kerana sebahagian besar diantara mereka adalah buta huruf. Cara penyampaian yang difikirkan sesuai bagi jenis peserta seperti ini mestilah yang berbentuk "personal contact". Perjumpaan dan mengadakan dialog antara pehak peserta dengan wakil pehak "atas" adalah lebih sesuai.

Jadi sebuah rancangan yang hanya mementingkan aspek-aspek "material" sahaja dalam proses pencapaian pembangunan, tidak akan berjaya sekiranya tidak diimbangi dengan aspek-aspek yang bersifat "non-material" (sosial).

(c) Proses menginstitusikan unsur baharu kedalam sistem nilai peserta

Sebuah rancangan pembangunan masyarakat melibatkan kemasukkan unsur-unsur baharu kedalam masyarakat tersebut. Unsur-unsur ini perlu melalui satu proses adaptasi oleh anggota masyarakat itu supaya boleh diterima masuk kedalam sistem nilai mereka. Hanya apabila unsur-unsur ini telah diterima masuk (internalised) kedalam sistem nilai anggota masyarakat itu baharulah boleh dikatakan bahawa perengkat "pengistiharan" telah berlaku.

Proses menginstitusikan unsur-unsur baharu ini bukan sahaja berkehendakkan satu jangka masa yang panjang tetapi juga memerlukan perbelanjaan yang banyak dalam bentuk membaiki atau mengganti kemudahan-kemudahan yang telah rosak dalam rancangan tersebut.

Dalam rancangan perkampungan nelayan ini, proses untuk meng-institusikan unsur-unsur baharu itu tidak ada. Ini adalah disebabkan oleh sifatnya yang lebih mementingkan pembangunan dari segi kebendaan tadi. Kemudahan-kemudahan dalam rancangan ini telah disediakan semasa perlaksanaan rancangan. Setelah pelancaran rancangan, kemudahan tersebut ditinggalkan begitu sahaja tanpa mendapat perhatian yang selanjutnya daripada pihak yang menyediakannya. Walaupun pada 1967, dengan bantuan wang pinjaman daripada kerajaan pusat berjumlah \$70,000.00, beberapa buah alat tangkapan telah cuba dibaiki atau diganti, namun usaha ini sudah terlambat.

Proses menginstitusikan unsur-unsur baharu ini bukan sahaja memerlukan usaha "annual maintanenece" dalam bentuk membaiki atau mengantikannya tetapi perlukan juga langkah-langkah mengadakan "program-program" lain untuk mengubah sistem nilai mereka supaya boleh menerima masuk unsur-unsur tersebut dengan lebih mudah.

Selagi pihak menganjurkan rancangan ini tidak mengambil langkah-langkah seperti ini, selagi itulah rancangan itu menjadi "uninstitutionalised" dalam ertikata bahawa ia belum lagi diterima masuk sepenuhnya kedalam sistem nilai peserta.¹ Selagi rancangan ini tinggal dalam keadaan yang "uninstitutionalised" selagi itu pula ia tidak akan berjaya untuk mencapai matlamatnya.

(d) "Visibility" yang tinggi (high visibility)"

Sebuah rancangan pembangunan itu dapat dijeniskan sebagai yang mempunyai "visibility" tinggi dan rendah (high and low visibility). "Visibility" tinggi ini bermakna bahawa, rancangan, "..... the require immediate result due to proccesing needs of an economic or political nature regardless of whether the community people can be involved or not. Here we have to be prepared to sacrifice social ends due to economic or political necessities."²

-
- (1) Seventh International Seminar on Development : Social factors in development,
m.s. 10.
- (2) Ibid, m.s. 7.

Sebaliknya rancangan yang bersifat "visibility" rendah itu adalah, "..... those where the involvement and participation of the community people are a basis requirement in order to bring out the necessary growth and change among the people themselves. Time and money become a necessity for generating and motivating the change so that progress and development become not only seen but felt by the people".¹

Rancangan Perkampungan Nelayan Kuala Linggi ini dapat dijeniskan sebagai yang bersifat "visibility" yang tinggi memandangkan cirinya seperti ketiadaan penglibatan peserta secara langsung dalam proses perlaksanaannya dan beberapa ciri lain yang seperti disebutkan.

Sebuah rancangan bersifat "visibility" tinggi mungkin bersifat ekonomikal dari segi mada dan perbelanjaan tetapi tidak mungkin pula mencapai kejayaan disebabkan oleh beberapa kekurangannya. Sebuah rancangan seperti ini selalunya mempunyai perengkat perencanaan yang belum berapa "masak". Segala-galanya hendak dilakukan dengan secepat mungkin untuk memenuhi tujuan lain daripada tujuan rancangan yang sebenarnya terutamanya untuk mencapai tujuan politik. Walaupun rancangan bersifat lowvisibility itu berkehendakkan jangka masa yang panjang dan perbelanjaan yang banyak tetapi, selalunya lebih berjaya daripada rancangan bersifat "visibility" tinggi tadi.

Kehadhiran dua jenis atau golongan "primary factors" seperti yang telah disebutkan diatas adalah menjadi punca keujudan masaalah-masaalah lain yang mengusutkan perkembangan rancangan ini sehingga menjadi gagal. (Kesan buruk akibat daripada kehadiran "primary factors" ini dapat dilihat pada beberapa keping gambar dimuka surat 77 hingga 79.

(1) Seventh International Seminar on Development : Social Factors in development, m.s. 7.

Gambar-gambar menunjukkan keadaan rancangan semasa kajian dilakukan.



Gambar V (atas) : Salah sebuah daripada rumah peserta yang mana papan lantai dan dinding telah diambil oleh peserta-peserta lain untuk membaiki rumah mereka. atau membaiki rumah



Gambar VI (atas) : Sistem perlongkangan yang turut musnah akibat daripada hakisan air.



Gambar Vll (atas) : Kawasan ini sentiasa dibanjiri air. Bila hujan lebat paras air mungkin sampai 1 hingga 2 kaki tinggi. Air bertakong menjadikan tempat ini sebagai sarang nyamok.



Gambar Vlll (atas) : Kawasan ini dipenuhi oleh bukit (busut) ketam yang tingginya lebih kurang 1 hingga 2 kaki tinggi. Keadaan yang seolah-olah seimbang permukaan bulan.



Gambar IX (atas) : Kelihatan alat-alat permainan telah tidak dapat digunakan lagi. (Papan-papan tangga lurutan serta buaian telah diambil oleh peserta sendiri).



Gambar X (atas) : Alat-alat tangkapan (bot-bot) turut sama musnah.

BAB 6

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Sesebuah rancangan pembangunan masyarakat bertujuan untuk membawa perubahan kearah kemajuan dalam bidang sosial dan ekonomi. Kedua bidang ini merupakan sebagai dua elemen yang sama pentingnya dalam setiap perengkat perlaksanaan rancangan. Oleh itu keduanya perlu diberikan tekanan yang seimbang. Penumpuan yang lebih kepada salah satu daripada elemen tersebut boleh menyebabkan kegagalan rancangan.

Tekanan yang tidak seimbang bagi kedua elemen ini mat ketara dalam rancangan-rancangan pembangunan di Malaysia sejak dari awal lagi. Sebagai contohnya dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 75) yang bertemakan "Dasar Ekonomi Baru" mengimplikasikan bahawa apa yang dipentingkan dalam membangunkan negara dan masyarakat ialah memberikan tekanan yang penuh kepada bidang ekonomi. Dengan kata yang lain dasar rancangan pembangunan di Malaysia ialah "untuk mencapai pembangunan dalam bidang ekonomi dahulu, baharulah boleh dicapai pembangunan dalam bidang sosial dan taraf hidup masyarakat secara keseluruhannya. Terdapatnya tidak seimbangan tekanan bagi kedua bidang tersebut - bidang ekonomi lebih dipentingkan daripada bidang sosial.

Pembangunan dalam bidang ekonomi pada umumnya adalah lebih menegaskan soal-soal yang bersifat fisikal atau "material". Apa yang dipentingkan adalah untuk mencapai ketinggian pengeluaran dan pendapatan. Untuk mencapai ketinggian pengeluaran dan pendapatan ini pula disediakan segala jenis kemudahan yang boleh menolong proses tersebut.

Tetapi, adakah cukup hanya setakat pemberian kemudahan fisikal seperti ini ? Sudah tentunya tidak ! Kemudahan alat-alat yang "effecient" tidak boleh meninggikan pengeluaran atau pendapatan sekiranya tidak ada kecekapan bagi orang yang hendak menggunakaninya. Oleh itu apa yang perlu adalah pembangunan yang bersifat bukan fisikal, seperti perubahan nilai, sikap, pandangan dan seumpamanya. Aspek-aspek ini perlulah diberikan tekanan yang saksama supaya boleh mengimbangi kemudahan-kemudahan moden itu.

Kajian ini telah memberi satu contoh gambaran tentang kesan buruk yang telah diakibatkan oleh ketidak seimbangan tekanan bagi dua elemen pembangunan tadi. Dasar rancangan pembangunan seperti ini maseh berlanjutan dan akibatnya menimbulkan masaalah-masaalah yang sama; baik dalam rancangan-rancangan pembangunan yang lepas atau pun yang sedang dilaksanakan dewasa ini.

- thesis J.P.M. Universiti Malaya 1970-71
2. Community Development: Commonwealth Conference Taiping 1953:
1954 : "Report on Community Development in the Federation of Malaya."
Pencetakan Kajajaun.
 3. 1972 : "Dewan Rakyat"
Jilid x, Bil 8 - Ogos.
Kuala Lumpur.
 4. De Sauboy, Robert
1958 : "Community Development in China."
London Oxford University Press.
 5. Fish, E.K.
1964 : "Studies in the Rural Economy of South East Asia."
Eastern University Press Ltd. - Singapore.
 6. Pirthi Ronawati
1943 : "House Keeping Among Malay Peasants"
London School of Economic Monograph on Social Anthropology No. 7.
London.
 7. Goode and Waller
1952 : "Methods in Social Research."
Kogakusha Co. Ltd.
Tokyo.

BIBLIOGRAFI

1. Ahmad Shahibudin Md. Nor:
1971 : "Rancangan Kemajuan Tanah Air Lanas-Satu Kajian Mengenai Ekonomi dan Social".
Thesis J.P.M. Universiti Malaya 1970-71

2. Community Development Commonwealth Conference Taiping 1953:
1954 : "Report on Community Development in the Federation of Malaya."
Pencetakan Kerajaan.

3. 1972 : "Dewan Masyarakat"
Jilid x, Bil 8 - Ogos.
Kuala Lumpur.

4. Du Sautoy, Peter:
1958 : "Community Development in Ghana."
London Oxford University Press.

5. Fisk, E.K.:
1964 : "Studies in the Rural Economy of South East Asia."
Eastern University Press Ltd. - Singapore.

6. Firth Rosemary:
1943 : "House Keeping Among Malay Peasants."
London School of Economic Monograph on Social Anthropology No. 7.
London.

7. Goode and Halt:
1952 : "Methods in Social Research."
Kogakushu Co. Ltd.
Tokyo.

8. Halpern, Joel:
 1969 : "The Changing Village Community."
 Printice - Hall of India Private Ltd.
 New Delhi.
9. Hayes, Jr. P.:
 1959 : "Evaluating Development Projects."
 Unessco.
10. Hsin - Pao Yang:
 1955 : "Fact Finding With Rural People - A Guide
 to Effective Survey."
 F.A.O.
 Italy.
11. Kahn, Alfred J.:
 1969 : "Theory and Practice of Social Planning."
 Russel Sage Foundation.
 New York.
12. Lastrucci, C.L.:
 1967 : "The Scientific Approach."
 Schenkman Publishing House.
 Massachusetts.
13. 1966 : "Malaysia Year Book (1965)."
 Pencetak Kerajaan.
 Kuala Lumpur.
14. Nelson, Lowry:
 1960 : "Community Structure and Change."
 Macmillan, New York.

15. Ooi Jin - Bee:
 1964 : "Land, People and Economy in Malaya."
 Longmans, Geed and Company Ltd.
16. Ponsieon, J.A.:
 1968 : "National Development."
 Monton and Company Printers,
 Hague.
17. 1971 : "Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975)."
 Pencetakan Kerajaan.
 Kuala Lumpur.
18. Seventh International Seminar on Development.
 1972 : "Social Factor in Development."
 Kertas P.P.P.M. Bil 5 - September.
19. Webber, Melvin
 1967 : "The Prospect of Policies Planning."
 Duhl.